# Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 24 BILANGAN 35 RABU 29HB OGOS, 1979. 1399 رابو 5 شوال PERCHUMA


## SEMOGA KETABAHAN DAN SEMANGAT BERDISIPLIN KAPADA ALLAH AKAN TERUS DI-AMALKAN

*TITAH perutusan penoh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sempena menyambut hari raya tahun ini.*

Allah-hu Akbar, Allah-hu Akbar, Allah-hu Akbar, Walillah Ilham.

SEGALA puji-pujian bagi Allah s.w.t. dan selawat serta salam kapada junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. serta kerabat2 dan sahabat2 Baginda yang setia lagi jujor hingga ka-akhir zaman.

Alhamdulillah mari-lah kita bershukor ka-hadharat Allah s.w.t. di-atas segala limpah rahmat-Nya yang mana dengan izin-Nya jua kita umat Islam di-Negeri Brunei telah selamat menyempurnakan ibadat berpuasa dalam bulan Ramadhan yang baru sahaja selesai.

Mudah-mudahan ketabahan serta semangat berdisiplin yang telah kita boktikan kerana Allah pada menghadapi kepahitan dan kegetiran pada menahan diri kerana Allah sa-panjang bulan Ramadhan itu akan terus kita amalkan pada menghadapi sasuatu dalam usaha kita sa-tiap hari pada mengerjakan perkara2 yang berkebajikan yang diredhai Allah.

Di-hari yang mulia lagi berkat ini Beta bersama-sama dengan keluarga Beta dengan tulus ikhlas sukachita menyampaikan uchapan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kapada semua raayat Beta dan pendudok2 Negeri Brunei yang berugama Islam mudah-mudahan kita semua di-negeri ini akan sentiasa mendapat perlindongan Allah dan akan terus menekmati suasana aman tenteram dan keadaan yang makmor lagi berbahagia.

Sekian, sekali lagi Beta dengan ikhlas menguchapkan Selamat Berhari Raya. Wabillahi taufik wal-hidayah, wassalammualaikum warahmatullahiwabarakatuh.

### MANIS-NYA IMAN

"Kebahagiaan yang sapenoh-nya ia-lah saumor hidup dalam ketaatan kapada Allah". —HADITH Nabi riwayat Al-Qudhai'e dan Ad-Dilmi daripada Ibnu 'Umar.

## DYMM sembahyang raya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-telah anak bulan Shawal tidak dapat di-lihat pada petang Khamis, 23hb Ogos yang lalu bagi menentukan permulaan hari raya tahun ini, maka umat Islam di-negeri ini telah mengakhiri ibadah puasa sahingga hari Jumaat, 24hb Ogos.

Perayaan Hari Raya bermula pada hari Jumaat di-sa-belah malam dengan kesebokan2 umat Islam mengunjongi masjid2 dan rumah2 amil untok membayar fitrah dan menyediakan persiapan2 terakhir untok menyambut hari yang bahagia itu di-sulami dengan gema takbir aidil-fitri dari peti2 radio dan TV.

Sa-baik2 saja fajar Sabtu, 25 Ogos menyinsing, umat Islam keluar berduyun-duyun dengan pakaian warna-warni dan serba indah menyusor jalan-raya dan menyeberang sungai untok menuju ka-masjid2, surau2 dan tempat2 khas untok sama2 mengalu-ngalukan ketibaan hari yang mulia itu dengan menunaikan sembahyang hari raya.

Menunaikan sembahyang hari raya di-ibu negeri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat ka-Masjid Omar Ali Saifuddin bersama raayat dan pendudok Baginda yang berugama Islam.

Dan bagi pertama kali-nya sejak Talivishen Brunei melancharkan perkhidmatan siarannya, upachara sembahyang hari raya tahun ini telah dapat disiarkan terus-menerus ka-seluroh negeri dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

Lihat muka 16



KEBAWAH DYMM di-kerumuni untok di-ziarahi oleh umat Islam yang menunggu2 di-luar perkarangan Masjid Omar Ali Saifuddin sa-baik2 saja selesai upachara sembahyang.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

**BERIKUT ia-lah perutusan Hari Raya Aidil Fitri dari Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson yang telah di-siarkan pertama kali-nya dari Radio dan Talivishen Brunei pada malam menjelang-nya hari raya yang baru lalu.**

SAYA berterima kaseh kapada pehak Radio Talivishen Brunei kerana sudi menjemput saya untok menyampaikan uchap selamat di-hari raya yang berbahagia ini. Dan ini memberikan kesempatan kapada saya selaku Pesurohjaya Tinggi British dan bagi mewakili masharakat British di-Brunei untok menguchapkan Selamat Berhari Raya kapada pendudok2 Brunei yang mana kemeriahan hari ini adalah merupakan kemunchak perayaan sa-telah menjalani puasa di-bulan Ramadhan. Saya perchaya ini merupakan keunggulan kekeluargaan dan persahabatan muhibbah dan dengan perasaan muhibbah juga saya menguchapkan tahniah kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Kerabat2 Diraja serta keluarga2 dan sanak saudara mereka di-dalam merayakan hari raya tahun ini.

Saya juga perchaya yang orang2 British di-sini ingin juga menguchapkan Selamat Berhari Raya kapada orang2 yang tidak dapat sama2 merayakan-nya saperti orang2 yang tidak bernasib baik, yang di-selubongi kedukachitaan dan lain2.

### TERIMA KASEH

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Suri Begawan Raja Pengiran Anak Damit dengan sukachita menguchapkan terima kaseh kapada semua pehak yang telah menyembahkan kad hari raya pada tahun ini.

Duli2 Yang Teramat Mulia berdua juga telah menguchapkan Selamat Berhari Raya kapada semua pehak yang berkenaan.

## Mudah2an keamanan serta Kemakmoran terus di-nekmati

*PERUTUSAN Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail.*

Allah-hu Akbar, Allah-hu Akbar, Allah-hu Akbar Walillah Ilham.

SEGALA puji-pujian bagi Allah s.w.t. dan selawat serta salam bagi Nabi besar kita Muhammad s.a.w., kaum keluarga, sahabat2 Baginda serta pendukong2 ugama suchi itu dari awal hingga ka-akhir zaman. Dengan penoh taat lagi setia dan kita bershukor kapada-Nya atas rahmat dan hidayah-Nya yang telah di-korniakan-nya kapada kita semua yang mana pada hari ini kita telah dapat sa-kali lagi meraikan Hari Raya Aidil Fitri sa-telah menunaikan kewajipan berpuasa seluroh bulan Ramadhan itu.

Sa-lain daripada itu bagi pehak seluroh kaki-tangan dan pegawai2 kerajaan serta raayat dan pendudok di-negeri ini terutama sa-kali yang berugama Islam dengan menyusun jari sapuloh dari hati yang puteh lagi hening menyembahkan uchapan Selamat Hari Raya ka-hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bega-

Lihat muka 16

**Pelita Brunei**
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

29HB OGOS, 1979

بسم الله الرحمن الرحيم

# Maka kini kita berada dalam suasana Hari Raya

SA-TELAH kita menang mengharongi serba godaan di-sepanjang kita berpuasa, maka berlalu-lah bulan rahmat yang punya keistemewaan2 saperti mana yang di-terangkan dalam sharahan2 radio dan TV di-sepanjang bulan Ramadhan itu. Kemudian kita memasoki Hari Raya bagi merayakan kemenangan kita itu dan kini kita memasoki hari yang kelima merayakan hari yang bahagia itu. Di-samping gema aidil-fitri itu, maseh ramai umat Islam meneruskan ibadah berpuasa dengan mengerjakan puasa sunnat bulan Shawal atau di-sebut Puasa Enam yang kemudian-nya di-rayakan pada hari apa yang di-sebut sabagai Hari Raya Enam. Demikian-lah keadaan yang menggembirakan tentang betapa tegoh-nya kita melaksanakan ibadat2 yang di-suroh oleh Allah dan usaha2 untok menguatkan keimanan kita dengan menyediakan utap dalam diri kita sendiri bagi menghindarkan diri kita dari terjebak oleh rasokan2 shaitan yang senantiasa pula menchuba untok membawa kita kelembah kejahatan, keburokan, kemungkaran yang akhir-nya kehinaan jua yang kita rasakan. Bila sudah diri kita begitu terasa terhina, maka perlakuan kita terdedah kapada kejahatan2 yang lebeh besar yang semua perlakuan itu mungkin di-sedari, tetapi oleh kerana kita merasa hina, kita terlupa segala2-nya hatta terhadap sa-suatu yang chukop jelas akan kebenaran-nya. Ini-lah yang di-kehendaki oleh shaitan dalam memperbanyakkan sahabat2-nya di-muka bumi ini dan demikian-lah antara yang dapat kita ikuti dan kita pelajari dari sharahan2 yang di-sampaikan dan tulisan2 yang di-nukilkan di-sepanjang bulan rahmat itu dengan tujuan supaya akan bertambah2-lah rasa sedar kita sa-bagai orang Islam.

Maka dalam hubongan peribadatan kita itu, tidak-lah lain yang kita harapkan sa-lain dari mengharapkan-nya agar 'amal ibadat kita itu di-terima oleh Allah dan mendapat ganjaran pahala daripada-Nya jua dan akan bertambah2 kukoh-lah keimanan kita terhadap-Nya.

Maka dengan iman yang kuat lagi tegoh itu, sudah barang tentu juga kita mengharapkan bukan saja tegoh dalam diri, tetapi dapat di-pergunakan untok menegohkan segala rahmat yang telah di-limpahkan kapada negara dan bangsa kita. Kerana, iman ada-lah merupakan titik-tolak dalam mengator sa-suatu langkah dan kekuatan-nya juga menentukan berjaya dan gagal-nya sa-suatu yang kita hajatkan itu.

Keimanan yang patut kita pertegohkan dalam konteks negara hari ini ia-lah mempertahankan keamanan dan kemakmoran yang kita nikmati sejak sekian lama itu dan terus mengusahakan agar suasana yang harmoni itu tidak akan di-nodai oleh anasir2 yang ingin menggarit2 dan merosakkan-nya.

Kita juga harus memperkuatkan keimanan kita dalam mempertegohkan perpaduan sa-sama umat Islam dan saling bantu-membantu antara satu sama lain, kerana itu ada-lah di-suroh oleh Allah dan kita di-tegah dari berpechah-belah.

Maka itu, mudah2an-lah Aidil-Fitri tahun ini akan dapat meningkatkan keimanan kita terhadap Allah dan juga meningkatkan azam kita untok mempertahankan suasana yang aman lagi tenteram yang menjadi landasan utama untok kita bergerak terus dalam melakukan perkara2 yang berkebajikan dan melaksanakan tugas dan tanggong-jawab dengan sa-baik2-nya, terutama dalam langkah2 kita menyiapkan diri menghadapi saat kemerdekaan.



KETIBAAN Duli Yang Maha Mulia dan lain2 Kerabat Diraja di-perkarangan Masjid Omar Ali Saifuddin untok menunaikan sembahyang hari raya di-sambut oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dan lain2 pegawai kanan Ugama (gambar atas). Baginda kelihatan ketika bersalaman dan di-ziarahi oleh umat Islam yang sama2 menunaikan sembahyang tersebut sa-baik2 saja Baginda berada di-kawasan luar masjid (gambar kanan), manakala gambar kiri pula sa-bahagian dari umat Islam yang hanya sempat berjemaah di-kawasan luar masjid, begini-lah yang sering terjadi kalau sembahyang raya menjelang sa-tiap tahun.





# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 22hb Ogos, 1979.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. PUSU KERING — $3.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Lam Seng,
   No. 3, Jalan McArthur.
2. KACHANG TANAH — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Chin Seng,
   No. 107, Jalan Chevalier.
   b) Sharikat Haji Abdul Rahman,
   No. 94, Jalan Chevalier.
   c) Ghee Guan,
   No. 4, Jalan McArthur.
   d) Seng Teck,
   No. 56, Jalan Sultan.
3. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Chin Seng,
   No. 107, Jalan Chevalier.

**KUALA BELAIT :**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   Sia Hng Hong,
   No. 31-B, Jalan Sungai.
2. KACHANG TANAH — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Yick Yuen,
   No. 3, Jalan Pretty.
   b) Ng Ming Hong,
   No. 101, Jalan Mckerron.
3. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Choo Seng,
   No. 20, Jalan Pretty.
   b) Fah Sen,
   No. 27, Jalan Pretty.
   c) Ng Ming Hong,
   No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.

**SERIA :**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Foo Hap Shing,
   No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
2. KACHANG TANAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Hui Guan,
   No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.
   b) Yuan Ho Hing,
   No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
3. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Choo Heng & Company,
   No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Hui Guan,
   No. 48-B, Jalan Bunga Kuning,

# Steshen minyak baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-buah lagi steshen minyak akan siap dalam tempoh empat bulan. Kerja2 pembenaan steshen baru itu yang terletak di-Pekan Muara sedang berjalan dengan lanchar.

Steshen itu di-bena di-bawah ranchangan kemajuan Sharikat Pemasaran Shell dan di-punyai oleh sa-orang peniaga tempatan. Haji Mohammad Hashim bin Haji Puting.

Projek itu berharga lebeh tiga ratus ribu ringgit dan akan di-lengkapkan dengan pam2 letronik termoden, bengkel, setor dan sa-buah pejabat.

# MENYAMBUT HARI RAYA AIDIL FITRI YANG MULIA

PADA hari pertama Hari Raya Aidil Fitri suara takbir berkumandang di-masjid2 dan di-surau2 pada waktu malam dan pagi2 lagi di-seluroh negeri, menunjokkan tamat-nya Ramadhan yang mulia dan telah kita tinggalkan. Kita memasoki bulan Shawal pula. Bagaimana pun kesan Ramadhan tidak dapat di-lupakan oleh umat Islam seluroh-nya.

Di-pagi raya, dengan berpakaian yang indah2, kechil, besar, tua dan muda berpusu2 pergi ka-masjid atau surau yang berhampiran untok menunaikan sembahyang Hari Raya Aidil Fitri.

Di-masjid Omar Ali Saifuddin, di-ibu negeri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir, kerabat2 Diraja menunaikan sembahyang Hari Raya bersama2 ribuan umat Islam di-Bandar Seri Begawan dan di-sekitar-nya.

Selesai sahaja sembahyang raya, umat Islam mula ziarah menziarahi di-antara satu sama lain samada yang terjumpa di-jalan2, pasar, kedai atau menziarahi ka-rumah2 saudara, jiran, sahabat handai. Tidak ketinggalan juga saperti kebiasaan kawan2 atau sahabat handai yang bukan berugama Islam turut menziarahi dan bersuka ria berkunjong ka-rumah kawan2.

Istana Darul Hana, di-buka mulai Hari Raya yang kedua, ketiga dan ke-empat, untok memberikan kesempatan kapada seluroh rayat dan pendudok di-negeri ini (tidak mengira ugama atau keperchayaan) untok menziarahi dan menguchapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta Kerabat2 Diraja.

Upachara sembahyang Hari Raya Aidil Fitri tahun ini telah di-siarkan sachara langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin di-ibu negeri.

Berpakaian dengan beraneka chorak dengan ayer muka yang berseri2, Umat Islam menziarahi antara satu sama lain dengan penoh kemesraan dan tidak juga ketinggalan kad2 selamat Hari Raya telah menchurah2 mengunjongi sahabat handai sa-belum menjelang raya.

Di-samping kita bergembira menyambut Aidil Fitri, jangan-lah pula kita lupa akan tugas2 kita sa-bagai umat Islam untok meneruskan kerja2 ibadat dan apa jua yang berkebajikan yang tidak bertentangan dengan adat resam dan ugama kita Islam. Dan mari-lah kita sama2 memohon restu kapada Allah, meminta supaya di-panjangkan umor kita tetap iman murah rezeki dan memohon kapada-Nya negeri kita Brunei darussalam ini akan sentiasa di-berkati-Nya, aman makmor dan barang di-jauhi dari bala benchana.

## PESTA RAYA

Walau pun Hari Raya Aidil Fitri tahun ini akan berlalu akan tetapi sambutan2 atau pesta raya akan di-teruskan. Umpamanya, Kelab Melayu Shell Seria akan mengadakan Pesta Hari Raya pada 15hb September, 1979 depan di-Dewan kelab tersebut dengan mengadakan berbagai2 achara antara-nya; Peraduan khas untok ahli2 dan isteri2, peraduan pakaian beragam terbuka dan lain2.

Sementara itu, Bahagian Kebudayaan Persatuan PERDA di-Kampong Penanjong, Daerah Tutong mengadakan satu pertunjokan pentas bersempena sambutan Hari Raya pada hari Selasa lepas. Ia-nya bertempat di-bangunan persatuan itu mulai pukul tujuh setengah malam. Antara achara yang di-adakan termasok-lah peraduan pakaian beragam, tarian dan nyanyian.

Sharikat Dairy Farm Brunei telah meraikan pesakit kanak2 di-Wad Empat Rumah Sakit Umom di-Bandar Seri Begawan sempena sambutan Hari Raya. Sharikat tersebut telah menyediakan makanan dan minuman kapada kira2 empat puloh orang kanak2 di-wad tersebut.

Hadhir di-majlis itu ialah Pengurus Am Sharikat Dairy Farm Brunei, Awang Bedford dan Matron Dayang Habibah.

Satu pementasan Hari Raya Aidil Fitri anjuran Persatuan PITA Kampong Tanah Jambu di-Daerah Brunei Muara telah di-langsongkan di-Sekolah Melayu Tanah Jambu mulai pukul tujoh setengah malam.

Achara2-nya termasok peraduan2 nyanyian, pakaian beragam dan tarian oleh anggota2 persatuan tersebut dan pendudok kampong.



SEMBAHYANG Hari Raya Aidil Fitri, telah di-adakan di-seluroh masjid dan surau di-negeri ini. Gambar atas menunjokkan jemaah sembahyang Hari Raya di-Kampong Bunut, Batu 6 Jalan Tutong dan sekitar-nya.



ZIARAH menziarahi, berma'af ma'afan suasana sa-lepas sembahyang Hari Raya Aidil Fitri saperti yang di-perlihatkan dalam gambar kanan.

## TADIKA Pertama Kampong Ayer

BANDAR SERI BEGAWAN. — Taman Didekan Kanak2 (TADIKA) yang pertama di-tubohkan di-kampong ayer akan di-buka pada hari Rabu 5hb September, 1979 akan datang, di-Rumah No. 103, Kampong Peramu. Ia-nya di-usahakan oleh Dayangku Masni binte Pengiran Haji Lampoh.

Juruchakap TADIKA itu mengharapkan kapada ibu bapa yang berhajat untok memasokkan sekolah anak2 mereka boleh-lah berhubong kapada alamat rumah No. 5C, Kampong Pengiran Setia Negara, dari jam 4.00 hingga 6.30 petang untok mendapatkan penerangan lanjut.

TADIKA itu di-tubohkan ia-lah untok menyenangkan kapada pendudok2 kampong ayer dan sekitarnya bagi menyekolahkan anak2 mereka yang di-bawah umor 3 hingga 5 tahun, jelas juruchakap itu lagi.

Ada-lah juga di-fahamkan sekiranya TADIKA yang pertama di-Kampong Ayer ini mendapat sambutan, kemungkinan ia-nya akan membuat beberapa chabang di-kampong2 lain di-Kampong Ayer, Bandar Seri Begawan.

## DERMA ANAK2 YATIM BRUNEI/MUARA



DUA minggu sa-belum Hari Raya Aidil Fitri, nasib anak2 yang kurang bernasib baik (anak2 yatim) di-negeri ini tidak di-lupakan. Mereka telah di-hulorkan derma ala kadar yang terdaya dari badan2 kebajikan di-negeri ini. Gambar kiri memperlihatkan Pengiran Haji Abdul Momin, Timbalan Setia Usaha, Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei/Muara (kiri) sedang menyerahkan derma anak2 yatim di-Daerah Brunei-Muara kapada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong, untok di-bahagi2kan kapada anak2 yatim di-kampong masing2.

Sa-banyak lebeh 700 orang anak2 yatim di-Daerah Brunei-Muara telah menerima derma tersebut. Angka tersebut semakin meningkat dari sa-tahun ka-setahun berbanding dengan 300 orang dalam tahun 1965 yang lalu.

## Yunit Pulis Tentera di-tuboh

BERAKAS. — Satu lagi yunit kechil Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan di-tubohkan awal bulan September ini. Yunit itu yang di-gelar Yunit Pulis Tentera akan berpengkalan di-Berakas Kem.

Sa-ramai 15 orang anggota pasokan tersebut telah pun menjalani latehan pusat pulis tentera di-Bolkiah Kem dalam bulan Mei dan Jun yang baru lalu.

Latehan tersebut di-kendalikan oleh jurulateh2 tentera British yang berpengkalan di-Hong Kong. Mereka juga telah menjalani latehan menonggang motosikal di-Pusat Latehan Pulis di-Jalan Muara.

Upachara perbarisan tamat latehan bagi anggota2 Yunit Pulis Tentera itu akan di-langsongkan di-Berakas Kem awal September ini.

Tabek kehormatan di-upachara tersebut akan di-terima oleh Pemerentah Pasokan AMDB Brigadier Dato Seri Pahlawan Norman Roberts.

# HARI RAYA

BANDAR SERI BEGAWAN. — As the moon marking the end of the fasting month of Ramadhan and the start of Shawal in the Muslim calendar was not sighted on Thursday evening, Brunei began the Hari Raya on Saturday, giving Government servants throughout the country a four-day weekend.

Officials from the Religious Affairs Department and Survey Department were stationed at three vantage points — Bukit Tabor Bintang in Berakas, Lorong Tujoh in Seria and at Birup Bukit Ambok in Tutong — to look for the moon that evening.

Early on the first day of Hari Raya saw thousands of Muslims performing the traditional prayers in suraus and mosques throughout the State.

As usual His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah and Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah and state dignitaries were among the thousands of Muslims who attended the prayers at the Omar Ali Saifuddin Mosque here.

As in the past, the Istana Darul Hana was open to the public for three days starting from the second day of Hari Raya.

For four hours daily from ten in the morning to noon and again from two to four in the afternoon, thousands of people from all walks of life from throughout the State queued up patiently to wait their turn to wish Their Highnesses the Sultan and the Raja Isteri and members of the royal family a Selamat Hari Raya.



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah presenting prizes to Awang Kamis bin Haji Nasir of the Royal Brunei Police Force, who emerged champion in the Koran reading contest for personnel of uniformed government departments held at the Customs Wharf here recently.

The second and third prizes went respectively to Awang Ibrahim Ahmad and Awang Haji Seruddin bin Haji Mohammad, both of the Royal Brunei Malay Regiment.

A total of sixteen Koran readers from eight government departments took part in the contest which the Yang Teramat Mulia earlier declared open and was attended by more than five hundred people including state dignitaries and senior government officials.

## Weighing and Measuring

BANDAR SERI BEGAWAN. — All weighing and measuring instruments in the State will be inspected starting from September 1.

The Weights and measures Section of the State Secretariat announcing this said its officials will carry out the inspections until the end of December.

During this period they will be at Number 10, at Bukit Bendera in Tutong Town; the old hospital in Kuala Belait; and at the Weights and Measures Office here.

The officials will be at the Government quarters Number 1 at Bangar in the Temburong District from October 1 to November 1.

Owners of weighing and measuring instruments are advised to go to these places and have their instruments inspected and verified.

## Progress well on Hangar

BERAKAS. — Work on the construction of a multimillion dollar hangar at the Brunei International Airport here is progressing well and barring the unforeseen will be completed in April next year as scheduled.

The hangar costing some twelve million dollars is being built by the Tobishima Corporation.

When completed it will be capable of accommodating and servicing two Boeing 737 aircraft or one Boeing 747 at a time.

The building will also have one of the latest foam deluge fire fighting and sprinkler system.

## *SELAMAT HARI RAYA*

**Below is the full text of the Hari Raya message of the High Commissioner, Mr. Arthur Watson.**

I AM grateful to Radio Television Brunei for the invitation to send a message of greetings at this festival of Hari Raya Puasa. It gives me the opportunity, as British High Commissioner and on behalf of the British community in Brunei, to extend our greetings to all the people of Brunei to whom the rejoicing of Hari Raya Puasa is the culmination of the discipline of the Fasting Month of Ramadan. It is, I believe, a supremely family occasion and of fellowship and in that spirit I offer my congratulations to His Highness the Sultan, His Highness the Seri Begawan and all the Royal House of Brunei, and their families, and to all the families and their friends gathered in celebration throughout Brunei.

I believe that my fellow countrymen would also wish me to extend a special greeting at this time to all those who, by reason of bereavement, illness or other misfortune, are not able to join with a full heart in the rejoicing around them.

May I close by wishing you all my good wishes for the season of Hari Raya.

## RBMR To Form MP Unit

BERAKAS. — The Royal Brunei Malay Regiment is to set up a military police unit next month, and the first group of fifteen military policemen will pass out at the parade this Saturday.

The parade will be reviewed by the Commander of the Regiment, Brigadier Dato Norman Roberts who will also take the salute.

The fifteen selected for the unit which will be based at the Berakas Camp had undergone a special training conducted by several instructors from the British Army in Hong Kong.

They had also taken a three-week motorcycle riding course at the Police Training Centre in Jalan Muara.

## VC Visits Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Vice Chancellor of the Science University of Malaysia, Tan Sri Hamdan visited Brunei last week during which he met with top officials of the Brunei Language and Literature Bureau here.

Tan Sri Hamdan, who is also Malaysia's Chairman of the Board of Organisers of Language and Literature Bureau, was at the head of a six-man delegation that included the Director-General of Language and Literature Bureau, Dato Haji Hassan.

During their three-day stay, Tan Sri Hamdan and his delegation met with Brunei's Director of Language and Literature Bureau, Awang Mahmud bin Haji Bakyr and the Bureau's Adviser, Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohammed Jamil Al-Sufri.

## Muara Beach Festival

MUARA. — A day-long beach festival will be held at the beach here on September 9.

The festival which is going to be the highlight of His Highness the Sultan's birthday celebrations in the Brunei Muara District will start at 7.30 am.

Throughout the day, there will be various performances and competitions which will include comic sketches, cultural dances, musical presentations and skilled driving.

Those interested in taking part in the competitions should get the entry forms from Osman bin Omar at the Weights and Measures Section of the State Secretariat; Awang Mustapha bin Abdul Rahman at the Establishment Department; and Awang Kifli bin Haji Omar at the Education Department.

The forms must be completed and returned not later than September 2.

## Another 40 Receive Belts

JALAN MUARA. — Forty more members of the Royal Brunei Police Force received judo belts and certificates at a ceremony held at the Police Training Centre here recently.

The recepients who had just completed a refresher course at the Training Centre were presented with belts and certificates by the Deputy Commissioner of Police, Dato Paduka Seri Laila Jasa Awang C.T. Miller.

The latest presentation had swelled the total of judo belts which had been awarded to police personnel to well over two thousand including a considerable number of brown and black ones.

## Health week

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Medical and Health Department is organising a Health Week aimed at reminding the public the need to keep their surroundings tidy and clean at all times.

The Health Week which is also part of His Highness the Sultan's birthday celebrations will start on September 23.

The main feature of the Week, the theme of which is DO NOT BE A LITTERBUG, will be cleaning campaigns throughout the State.



## Orphans Receive Gifts

TUTONG.—Two hundred and six orphans in the Tutong District last week received cash gifts for the Hari Raya.

The money donated by the district's Orphan Fund Board was handed over to Penghulus and Kampong Ketuas by the Acting District Officer, Awang Puasa bin Tudin.

The Penghulus and Kampong Ketuas then distributed the money to the orphans — all aged under fourteen years — in their respective areas.

In the Brunei Muara District, a businessman, Pengiran Bahar bin Pengiran Anak Hashim donated two hundred dollars in aid the Orphan Fund.

**Pengiran Bahar (right) is seen handing over his donation to the Director of Welfare, Youth and Sports, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein.**




# Nekmat Allah s.w.t. tidak dapat di-hitong

PADA lazim-nya manusia tidak tergerak hati menguchap shukor ka-hadharat Allah sa-kira-nya dia berada dalam keadaan biasa. Orang tidak akan merasakan apa2 dengan anugerah mata yang di-berikan Allah kapada-nya, sa-lama-nya mata berkeadaan normal, tidak sakit atau chedera. Tetapi chuba, jika tuan sa-masa lahir ka-dunia ini lagi berkeadaan buta, tetapi tiba2, sa-sudah belasan atau pulohan tahun, tuan di-rawat dan kemudian dapat melihat sa-bagaimana orang lain melihat, tentu-nya tidak dapat di-gambarkan betapa besarnya rasa shukor dan terima kaseh tuan kapada Allah. Tuan boleh bayangkan masa itu, betapa kagum dan terchengang-chengang-nya tuan menonton aneka macham munafa'at Allah melalui panchaindera mata.

Harga dua biji mata tidak dapat di-nilai dengan nilaian benda. Orang akan merasa keloh kesah dan tidak selesa, jika salah satu dari mata kita sedang sakit atau di-masoki sampah. Penglihatan rasa-nya sempit dan amat terkongkong, dan kadang2 juga boleh menimbulkan rasa sakit di-lain2 anggota. Itu-lah makna-nya kesempurnaan chiptaan Allah, Tuhan maha berkuasa lagi bijaksana. Satu alat sahaja dari chiptaan-Nya melengkapi berbagai-bagai dan tujuan.

Hanya baru sa-takat mata sahaja pun, banyak nekmat dan kemudahan kita dapat. Betapa pula jika di-rangkum kesemua alat2 yang terdapat pada anggota badan, saperti telinga, akal fikiran, hati, hidong, mulut dan lain2 lagi itu? Firman Allah dalam Surah An-Nahl ayat 78; yang bererti: *"Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu, sedang kamu tiada mengetahui suatu apa pun, dan di-jadikan bagi kamu penerangan, penglihatan dan fikiran, mudah-mudahan kamu bershukor."*

Bahkan nekmat2 itu tidak siapa pun boleh mengetahui-nya, saperti firman Allah Ta'ala surah Ibrahim ayat 34 yang bererti: *"Dan jika kamu hitong nekmat Allah itu, tiada-lah kamu dapat menghitong-nya"*.

Zaman sekarang di-namakan orang zaman sains dan teknoloji. Rata2 orang mengkagumi dan memuja sains sa-bagai punchak kemajuan yang tidak ada tara-nya. Dan oleh sebab terlampau kagum dan memuja yang terlebeh-lebehan, sa-hingga ada orang beranggapan bahawa kemajuan sains yang ada hari ini, itu-lah sahaja satu2-nya tujuan hidup manusia. Dengan sains kita sudah senang, jambatan ka-arah segala bentok kesenangan hidup telah chukup di-sediakan oleh sains. Kita tidak perlu lagi menchari-chari, semua-nya sudah ada jelas, dan berekor pada sikap begini-lah, semua pegangan dan pandangan hidup menjadi sa-ratus peratus kebendaan. Dan akibat-nya, rendah-lah pandangan orang terhadap nilai2 rohani dan ajaran2 ugama. Pada hal, orang yang beranggapan demikian itu tidak faham, bahawa Ugama Islam itu ada-lah ugama tamaddun. Al-Kor'an menegaskan bahawa siapa pun boleh ka-bulan, ka-bintang yakni ka-angkasa, asal sahaja di-tangan mereka kuasa (ilmu pengetahuan). Siapa sahaja dari kalangan jin dan manusia, apa jua jenis orang, bangsa dan ugama-nya (sila lihat suratul Rahman ayat 33). Orang selalu lupa, bahawa ka-angkasa atau ka-bulan itu, ia-lah perkara yang ada dalam Al-Kor'an, tetapi saperti mata, telinga dan lain2, tidak sa-orang saintis yang dapat mereka-nya.

Dan yang amat mendukachitakan lagi, ia-lah ramai orang2 Islam di-mana2 juga, apabila mereka berhadapan dengan perbuatan2 dunia dan telah mendapat kesenangan yang di-hasilkan oleh sains, lalu akan samakin jauh-lah ia, bukan sa-makin tundok bershukor kapada Allah. Ia menyangka apa2 yang di-perolehi-nya dari sains itu, semua-nya terlepas dari ugama dan Al-Kor'an. Kerana itu, di-letakkan-nya-lah ugama dan Al-Kor'an di-bawah segala teori, dan di-jadikan-lah ugama hanya untok upachara2 sahaja, bukan di-pakai sa-bagai chara hidup. Chara hidup ugama bagi-nya tidak saintifik atau ilmiah. Persoalan mengenai ibadat bagi-nya tidak penting, perkara halal — haram hanya menyakitkan kepala dan membosankan. Soal pergaulan bebas dan perempuan tidak menutop aurat, judi, arak, zina dan lain2 itu di-anggap-nya sudah basi, tidak perlu di-besar-besarkan lagi.

Ini-lah segala2 ajaran sekular, wahai kaum muslimin! sa-benar-nya jika ajaran sa-rupa ini membentok ramai sikap umat Islam, maka benchana-lah padah-nya kapada masharakat dan negara. Ya! mungkin barangkali bukan hari ini kita menerima-nya, atau sa-puloh tahun akan datang, tetapi benchana itu pasti menchari korban-nya dari kalangan anak chuchu kita juga, sa-bagai hukuman dari perbuatan masa lampau datok nenek mereka yang mengabaikan kehidupan berugama.

Ingat-lah, azab Allah dalam bentok benchana itu, tidak-lah memileh hanya orang2 yang berdosa sahaja, bahkan ia akan mengenai semua orang. Sebab itu-lah jangan kita heran, jika ada negeri atau umat yang di-turunkan bala ka-atas mereka, semua-nya akan jadi susah, tidak hanya kapada orang2 yang derhaka sahaja, bahkan meliputi sekalian orang. Sebab itu, awal2 lagi Allah memberi amaran-Nya kapada kita dalam surah An-Anfal ayat 25 yang bererti: *"Dan takut-lah fitnah (bala benchana) yang bukan hanya khusus menimpa orang2 yang bersalah di-antara kamu. Dan ketahui-lah, bahawa Allah itu amat keras siksa-nya"*.

# Berbakti untok dunia dan akhirat

## Bingkisan minggu ini

KITA pernah mendengar ada sa-tengah2 orang mengatakan bahawa walau pun ia tidak bersembahyang, berzakat atau menunaikan rukun2 yan lain, tetapi merasa puas hati dengan sumbangan serta peranan yang di-mainkan-nya terhadap negara dan masharakat-nya yang berupa kerja2 kebajikan dan kebaktian.

Masharakat dan negara tidak menafikan jasa2 mereka ini, apa-tah lagi jasa itu mendatangkan atau memberi keselesaan kapada kehidupan masharakat, dan negara terhutang budi kapada-nya. Ini-lah yang di-mengertikan-nya sa-bagai sa-orang yang bertanggong-jawab terhadap bangsa dan negara-nya. Di-samping itu apa yang di-harapkan-nya agar tidak timbol apa2 ristaan yang burok terhadap-nya, dengan itu menganggap kehidupan-nya sudah sempurna.

Sa-chara tegas dapat kita simpolkan dari sikap yang sa-demikian itu, ia-itu bahawa hidup-nya telah menjadi terhadap diri-nya sendiri, kerana di-sa-balek jasa dan bakti-nya sa-olah2 ia meminta sanjongan dan menchari nama. Sa-benar-nya ia telah mengabaikan fungsi-nya sa-bagai manusia dan tanggong-jawab-nya sa-bagai makhlok yang mempunyai identiti yang tersendiri dalam hubongan-nya dengan Allah yang maha penchipta dan mengetahui. Dan dapat juga di-katakan bahawa faktor2 yang mendurong mereka ini untok berbakti kapada masharakat dan negara-nya ada-lah sa-mata2 kerana peri kemanusiaan bukan kerana Allah.

Dalam Islam berbakti kapada masharakat dan negara itu memang-lah suatu kewajipan yang termasok dalam fardhu kifayah yang sangat2 di-tuntut ka-atas umat Islam menunaikan-nya. Tetapi hendak-lah sa-ganding sama dengan kewajipan2 yang lebeh penting di-sisi Allah saperti sembahyang, puasa, berzakat, menunaikan fardhu haji jika terdaya dan sa-terus-nya apa2 yang terkandong dalam kewajipan sa-bagai sa-orang muslim yang sejati. Maka apabila semua itu di-dasarkan sa-mata2 kerana Allah, maka baharu-lah ia memenohi tujuan kejadian hamba yang mesti beribadat kapada Allah saperti firman-Nya dalam surah Al-Zuriat ayat 56 yang bermaksud kira2: *"Tidak Aku jadikan jin dan manusia itu melainkan untok beribadat kapada ku."*

Dari penjelasan sengkat itu tadi mungkin juga ada orang yang mengaku bahawa ia telah pun melakukan satu jurusan ibadat dan ini di-fikirkan-nya memadai meski pun tidak menunaikan ibadat yang lain. Atau pun ia akan berbangga kira-nya ia lebeh banyak menabor bakti kapada masharakat jika di-bandingkan dengan orang yang mempergunakan masa-nya juga untok menunaikan ibadat yang lain. Kerana barangkali kesempatan-nya untok berkhidmat kapada masharakat itu lebeh banyak masa-nya dan sudah tentu apabila di-nilai maka ia-nya lebeh banyak berjasa. Maka orang akan menyanjong dan menyayangi-nya. Tetapi pendirian ini telah jauh terpisong dari memenohi pengertian ibadat kapada Allah yang sa-benar-nya.

Berbakti di-atas dasar kemanusiaan saja ada-lah tidak chukup dan pendirian saperti ini kadangkala ternoda oleh manusia sendiri. Betapa biasa-nya kita dengar tentang berlaku-nya penyelewengan, pechah amanah, ketidak-adilan dan sa-bagai-nya. Ini ada-lah akibat berbakti yang di-asaskan kerana peri kemanusiaan. Orang2 saperti ini mungkin akan berlaku jujor, amanah jika ada manusia lain di-hadapan-nya. Tetapi ia akan berani melakukan sa-balek-nya jika ia tidak di-perhatikan dan tidak ada yang menegor-nya. Kalau pun ia berlaku jujor tetapi ia akan merasa kechewa jika jasa-nya tidak di-hargai atau budi-nya tidak di-kenang. Lantas ia berputus asa dan lemah semangat untok meneruskan bakti-nya.

Maka untok menuju ka-arah erti kehidupan yang sa-benar-nya kita mesti-lah memenuhi kedua2 tanggong-jawap ia-itu terhadap Allah s.w.t. dan terhadap masharakat dengan jujor dan ikhlas bukan dengan satu2 tujuan yang sa-mata2 untok kepentingan diri sendiri.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 29hb Ogos, 1979 hingga ka-hari Selasa 4hb September, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 29hb Ogos | 12.26 | 3.43 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 30hb Ogos | 12.26 | 3.43 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 31hb Ogos | 12.26 | 3.43 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 1hb Sept | 12.24 | 3.41 | 6.30 | 7.42 | 4.41 | 4.56 | 6.13 |
| 2hb Sept | 12.24 | 3.41 | 6.30 | 7.42 | 4.41 | 4.56 | 6.13 |
| 3hb Sept | 12.24 | 3.41 | 6.30 | 7.42 | 4.41 | 4.56 | 6.13 |
| 4hb Sept | 12.24 | 3.41 | 6.30 | 7.42 | 4.41 | 4.56 | 6.13 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# Majlis Khatamal Kor'an

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis Khatamal Kor'an telah di-adakan di-Masjid Omar Ali Saifuddin di-sini pada malam Rabu 15hb Ogos yang baru lalu.

Majlis tersebut di-adakan atas perkenan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin dan telah di-selanggarakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama pegawai2 masjid.

Sa-telah majlis berkenaan selesai di-jalankan satu persembahan Zikir Marhaban dan Ratib Saman juga telah di-adakan.

Turut hadhir di-majlis tersebut termasok-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin; Timbalan Pengetua, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim; Kadzi Besar Brunei, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd Hamid bin Bakal serta pegawai2 kanan Ugama.

Majlis pada malam itu juga telah di-sertai oleh kira2 100 orang termasok pegawai2 masjid.

Achara majlis tersebut telah di-akhiri dengan bachaan do'a selamat oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Setia Awang Haji Mohd. Tamin bin Abd. Hamid.



**GAMBAR menunjokkan majlis Khatamal Kor'an di-Masjid Omar Ali Saifuddin.**

**Khutbah Hari Raya Aidil Fitri**

# KESABARAN MERUPAKAN ASAS PENTING DALAM HIDUP

ALLAH-HU AKBAR, ALLAH-HU AKBAR, ALLAH-HU AKBAR

SAMBIL kita bersuka ria pada hari ini dan bershukor ka-hadhrat Allah di-atas limpah kornia-Nya yang besar kapada kita, maka elok rasa-nya kita mengulang-ulang perkataan tentang apa yang patut kita ingati dari ibadat puasa yang telah sempurna kita kerjakan itu. Maksud kita, ia-lah tentang kesan dan fadzilat-nya yang besar kapada kita.

Antara yang dapat di-kesan, bahawa ibadat puasa telah dapat menanamkan perasaan sabar, amanah dan patoh kapada perintah2 Allah. Ini-lah hasil daripada didekan yang kita terima sa-lama sa-bulan itu, ia mengajar kita membentok budi pekerti yang mulia, budi pekerti muslim sejati yang berteraskan takwa, iman dan ihsan. Ibadat puasa menumbohkan perasaan sabar, dan sabar itu makna-nya ia-lah kekuatan atau ketahanan yang tidak ada tolok banding-nya. Bukan-lah sabar itu menunjokkan lemah atau penakut saperti sa-tengah orang menyangka-nya. Tetapi sabar ada-lah sifat para nabi2, rasul2 dan orang2 saleh, yang beramal dan berjuang sa-mata2 kerana menuntut keredhaan Allah, Mereka tidak takut2 melainkan hanya kapada Allah jua, mereka tahan menanggong ujian dengan tidak mengeloh dan putus asa.

Allah-hu Akbar, Allah-hu Akbar, Allah-hu Akbar

Kesabaran ada-lah asas penting dalam hidup. Ia ada-lah sharat bagi datang-nya pertolongan Allah kapada kita dalam menchapai sa-suatu hajat. Kerana itu, sa-bagai umat yang bertugas menegakkan ugama-nya, maka Allah sangat2 melarang kita dari melayani sifat lemah diri, chepat berputus asa dan penakut. Sa-balek-nya kita ada-lah di-gesa dan di-suroh supaya menegohkan hati dan pendirian kita.

Firman Allah Ta'ala; yang bererti: *"Dan kami berikan kapada orang2 yang berhati tegoh (sabar) itu pembalasan, menurut apa yang telah mereka kerjakan dengan sa-baik2-nya".* (Surah An-Nahal — 96).

Orang2 Islam menurut kehendak ugama, ada-lah di-tuntut supaya memelihara akidah mereka pada sa-tiap waktu dan ketika. Di-tuntut membersihkan diri dari tundok kapada kemahuan hawa nafsu, di-tuntut membuat amalan2 kebajikan sa-berapa yang banyak, dan di-tuntut supaya jangan melanggar perintah2 Allah Ta'ala.

Semua itu, wahai kaum Muslimin! Berkehendakkan keta'atan dan sabar. Sabar itu erti-nya tetap, tegoh, tidak berganjak atau bergoyang dalam masa melaksanakan sa-suatu kewajipan. Tenang fikiran dan hati penoh harapan. Jadi, jika demikian hal-nya, sabar itu bukan-lah tanda lemah atau hina atau putus asa. Ini-lah ajaran Ugama Islam, supaya tiap2 orang mukmin itu hati-nya bersinar dengan chahaya harapan, bukan putus asa dan chepat mengalah. Firman Allah Ta'ala dalam Surah Yusof ayat 87 yang bererti: *"Jangan-lah kamu berputus asa daripada rahmat Allah, kerana tidak ada putus asa daripada rahmat Allah melainkan kamu yang tidak beriman".*

Allah-hu Akbar, Allah-hu Akbar, Allah-hu Akbar

Mungkin ada terdapat orang islam hari ini kita dapati kurang sabar memelihara ugama-nya. Kurang sabar dalam makna sangat mudah di-goyang dan di-umbang-ambingkan oleh keadaan. Di-sebabkan pengaroh2 keadaan, orang sampai tergamak mengorbankan ugama-nya, mengorbankan prinsip2 dan perintah2 ugama. Sedikit ia terhantok atau di-hantok, sudah lekas2 mahu lari menyembunyikan kepala, padahal kadang2 anasir yang menghantok itu bukan-lah perkara hak, tetapi sa-balek-nya suatu pasad dan kebathilan yang terang.

Ini-lah hakikat kita hari ini, wahai kaum Muslimin! Suatu hal yang menyedehkan sa-kali. Nampak-nya ada sa-bahagian umat Islam tidak lagi gagah sa-gagah nama-nya. Maksud kita bukan gagah beradu tenaga, tetapi gagah mempertahankan hak dan kebenaran ugama, gagah mematohi dan membela hukum2 ugama — bukan melanggar-nya. Ini-lah yang kita haus sekarang, tradisi zaman kini nampak-nya, menyerahkan urusan memelihara ugama itu hanya kapada orang2 tertentu sahaja, sedang publik yang menganggap diri mereka tidak ada kena mengena dengan pekerjaan ugama, sa-olah2 dengan sa-suka hati sahaja hidup di-luar hukum ugama.

Sa-sunggoh-nya ugama itu bukan-lah hak perseorangan atau kepunyaan satu2 kumpolan tertentu, tetapi hak semua orang. Kepunyaan pemuda dan pemudi, kepunyaan tua dan muda, kepunyaan lelaki dan perempuan, kepunyaan jin dan manusia. Firman Allah s.w.t. dalam Surah Az-Zariat ayat 66 yang bererti: *"Dan tidak Aku chiptakan jin dan manusia, melainkan hanya untok menyembah Aku".*

Suatu pengenalan yang mudah tetapi tepat, tanda sa-saorang itu kuat memelihara ugama-nya, tebal iman-nya kapada Allah dan hari akhirat, ia-lah apabila ia mempunyai hati nurani yang selalu tundok dan takut akan azab Allah, gembira apabila mendengar ayat2 Allah. Dan oleh kerana takut-nya itu, ia tidak pernah lalai dari memelihara diri: Memelihara tingkah laku, budi pekerti, perchakapan dan perbuatan, memelihara makan minum, pakaian dan sa-umpama-nya. Ia tidak melakukan sa-barang perbuatan yang melanggar hukum Allah, yang menjadikan Allah murka kapada-nya ia tidak berchakap, kechuali tentang hak dan kebajikan, ia tidak makan dan minum, kechuali yang halal, ia tidak memakai, kechuali yang diharuskan oleh Shara'.

Demikian-lah antara alamat atau pengenalan bagi orang Mukmin, ia tidak sembarangan meletakkan diri-nya, menyembaranakan ugama-nya, tetapi berhati-hati memileh tempat yang sesuai lagi terhormat di-sisi Allah. Ia tidak ruboh oleh godaan2 yang memang pada zahir-nya indah dan manis.

# Kemajuan gagasan Islam tidak boleh kosong dari rohani

ALLAH-HU AKBAR, ALLAH-HU AKBAR, ALLAH-HU AKBAR

DALAM beberapa hari ini, kita sebok dan ashek bersuka ria, kemudian sa-lepas itu, segera pula kembali menghadapi urusan2 biasa yang rumit, tetapi semuanya itu tidak kita rasai demi usaha mengejar kejayaan hidup. Menchapai kejayaan demi kejayaan itu tidaklah salah, Ugama Islam ada-lah ugama kemajuan. Tetapi kemajuan gagasan Islam tidak boleh kosong dari rohani. Rohani-lah yang membekalkan rasa kesedaran, kesedaran untok memelihara diri dan ugama, kesedaran untok menghadapi dugaan dan chabaran.

Pada hari ini kita menjejak dunia moden yang maju dengan sains dan teknoloji, tetapi ia miskin dengan rohani. Pengaroh2 hidup dan sosial dari luar sering melanda kita. Tetapi yang bersalah kita juga.

Pada hari ini, bermacham-macham pengaroh sedang di-hadapi oleh umat Islam. Ada pengaroh yang mengajak kita melalaikan ajaran2 Islam, atau pengaroh yang mengajak kita menghina-hinakan ugama, ada pengaroh supaya kita meringan-ringankan hukum halal haram, saperti pengaroh menggalakkan kita memakan bangkai — binatang2 yang tidak disembelih, ada pengaroh menyuroh umat Islam membuka 'aurat dengan menghidangkan pakaian2 feshen baru, pengaroh seluar panjang menyapu lantai dan l a i n 2 lagi. Dan termasok-lah juga pengaroh moral, chara berfikir dan bertindak yang bukan Islam sedang ranchak di-sebarkan dimana2 jua.

Allah-hu Akbar, Allah-hu Akabar, Allah-hu Akbar

Mari-lah kita jadikan hari ini, di-samping untok bersuka ria, kita jadikan juga satu hari untok membulatkan azam, bahawa kita tidak akan tundok meniru-niru chara hidup orang lain yang bertentangan dengan hukum dan ajaran Islam. Mari-lah kita membulatkan kemahuan mempertahankan akidah suchi kita, dan mempertahan dasar2 akhlak dan keperibadian Islam yang tulin. Mari-lah kita sahut seruan Allah dan Rasul-Nya, yang menyuroh kita kapada akidah yang betul, kapada bekerja keras, kapada jihad di-jalan-Nya, Insha Allah, kelak Dia akan meninggikan darjat kita, akan menguatkan kelemahan kita dengan sebab usaha dan bakti kita kapada-Nya, dan Dia (Allah) juga akan menahan musoh2 kita dari menghanchurkan ugama dan umat Islam.

Ya Allah, ya Tuhan kami, kapada Engkau jualah kami berlindong, tempat kami memuhon taufiq dan hidayah untok menjalankan tanggong-jawab kami sa-bagai umat pilehan Engkau yang taat lagi jujor dan amanah terhadap ugama kami, raja kami, bangsa kami dan tanah ayer kami. Semoga Engkau tetapkan-lah pendirian kami, menjadi orang yang sabar, berani dan tahan uji demi menegakkan shi'ar ugama-Mu.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 29HB OGOS,

ANG

PEMBUKAAN
KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
SUSUNAN RANCHANGAN
RENGKASAN BERITA
STAR TREK — "Spock's Brain"
Bayangan hantu sa-orang wanita yang berparas jelita telah mengejutkan pegawai2 dan pekerja2 Pertubohan mereka itu tapi kehilangan-nya telah menampakan yang otak Spock telah di-pindahkan dengan pembedahan yang sempurna.
AZAN MAGHRIB
STAR TREK — sambongan
BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

LAM

BEWITCHED — "Mirror, Mirror on the Wall"
Endora menggunakan ilmu seher-nya dan Darrin jatoh chinta dengan bayang2-nya sendiri.
FLAMBARDS — Episod pertama "Christina"
AZAN ISHA
FLAMBARDS — sambongan
WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
MAJALLAH BRUNEI
SHOW OF THE WEEK : "Michael Legrand and Friends"
PERLAWANAN GUSTI
SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 30HB OGOS,

TANG

PEMBUKAAN
KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
SUSUNAN RANCHANGAN
RENGKASAN BERITA
BIG BLUE MARBLE
THE DOOMBOLT CHASE
AZAN MAGHRIB
THE DOOMBOLT CHASE — sambongan
BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

LAM

HIDAYAT
HIGH CHAPARRAL — "Survival"
John Cannon dan Billy Blue di-tangkap oleh Apaches jauh dari rumah mereka dan nyaris menemui kematian kerana kekurangan ayer.
AZAN ISHA
HIGH CHAPARRAL — sambongan
WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

8.45 DOKUMENTARI MELAYU : "Struggle for Survival"
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.15 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 31HB OGOS,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 KORG 70,000 BC —
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE TOGNI FAMILY CIRCUS
6.30 HUNTER'S GOLD
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 HUNTER'S GOLD — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 MORK AND MINDY
7.40 PUSPARAMA
7.44 AZAN ISHA
7.48 PUSPARAMA — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
9.30 SWORD OF JUSTICE — "Blackjack"
11.00 THRILLER — "I'm the girl he wants to kill"
Kekechohan yang memunchak telah menganchan sa-orang gadis Amerika yang berada di-London bila sa-orang pembunoh yang tersembunyi sedang menunggu untok menyambar. Hanya gadis ini-lah yang dapat mengenalinya.
12.00 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 1HB SEPT.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 KUM KUM — "Goodbye Forever"
Kum Kum lari dari rumah bila dia mengetahui yang Paru Paru sangat marah kapada-nya.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.30 AZAN MAGHRIB
6.34 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 DOKUMENTARI MELAYU — "Creatures of the Amazon" — Bahagian pertama.
7.40 JULIE FARR M.D. — "Careers"
Dua orang suami bersikap berbedza bila anak2 damit mereka yang lahir sa-belum waktu-nya dan sa-orang doktor bedah yang lanjut usia-nya terus-terusan untok membuat pembedahan dan menempatkan pesakit2-nya dalam keadaan bahaya yang besar.
7.42 AZAN ISHA
7.46 JULIE FARR M.D. — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 DOG AND CAT
10.35 PREMIER SOCCER
11.25 TAYANGAN MALAM MINGGU — "The Horsemen"
12.55 SIARAN TAMAT.



GAMBAR atas menunjokkan Jack Cole dan Arthur Woods dalam satu adegan dari "Blackjack", episod SWORD OF JUSTICE yang akan di-tayangkan pada hari Jumaat jam 9.30 malam. Jack dan Hector chuba untok memikat Lady Luck — dan merbahaya — bila Jack menchipta sistem judi elektronik yang sopistikited untok menipu sa-orang tuan punya pusat perjudian yang penipu dengan menggunakan $10 juta wang kepunyaan tabong persatuan.



SA-ORANG juruterbang kapal perang yang di-kenali sa-bagai "The Iceman" telah menembak sa-orang teman sa-kerja Boyington. Kerana juruterbang yang di-tembak itu di-jadualkan untok kembali ka-rumah-nya untok menyelesaikan beberapa masaalah, kewajipan2 ini di-serahkan kapada 'Pappy' Boyington. Dia di-gantikan oleh Major Duncan, yang berjaya dengan segera untok meyakinkan seluroh ahli Black Sheep, termasok 'Pappy', siapa yang berchadang untok melindongi kedua-dua Duncan dan "The Iceman".
Gambar : Micklin menunjokkan kapada Ellie chara2 untok menembak dalam "The Iceman" episod Black Sheep Squadron minggu ini — hari Isnin jam 9.55 malam.

## AHAD — 2HB SEPT.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 HANDFUL OF SONGS
5.45 OSCAR AND THE GREAT WOOFEROO — "Cleaning Day"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 CAPTAIN CAVEMAN AND MYSTERY ISLAND
6.30 AZAN MAGHRIB
6.34 SCIENCE INTERNATIONAL
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 WKRP IN CINCINNATI "A Date with Jennifer"
Jennifer yang sukar untok di-dapatkan itu akhir-nya bersetuju untok pergi keluar bersama dengan sa-orang pekerja di-steshen itu — tapi amat memeranjatkan ia-nya merupakan sa-orang yang patoh (dan sangat gemuroh) Les Nessman.
7.40 THE INCREDIBLE HULK "Stop the Presses"
7.42 AZAN ISHA
7.46 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MUSICAL SPECIAL
9.15 EDWARD AND MRS SIMPSON — "The Abdication"
Walau pun masa sudah sampai untoknya meninggalkan Wallis, Raja ini berhasrat untok memikirkan tentang perpindahan-nya. Episod terakhir dari siri ini.
10.05 THE NEXT STEP BEYOND
10.35 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 3HB SEPT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "Blind Journey"
6.30 AZAN MAGHRIB
6.34 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 DOKUMENTARI MELAYU : "World In Action" Dishonourable Discharge.
7.40 ROOTS : The Next Generations
7.42 AZAN ISHA
7.46 ROOTS : The Next Generations — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 POT BLACK
9.55 VEGAS — "Serve, Volley and Kill"
Bobby Howard yang chuba mereka musohi, menghadapi perlawanan tennis dengan bayaran $100,000. Jika dia menang dia akan menemui kechederaan dan mungkin kematian di-tangan sa-orang penyerang yang tidak di-ketahui. Siapa-kah yang chuba menghalang-nya dari mengikuti pertandingan itu?
10.45 BLACK SHEEP SQUADRON — "The Iceman"
11.35 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 4HB SEPT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 DICK TURPIN
6.30 AZAN MAGHRIB
6.34 BATTLE OF THE PLANETS — "The Fearful Sea Anemone"
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 MUDA BELIA
7.40 FLYING HIGH — "A Hairy Yak plays Musical Chairs"
7.42 AZAN ISHA
7.46 FLYING HIGH — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 AUTO RALLY SPRINT —
Dua belas orang dari pemandu2 kereta antara bangsa yang terkemuka di-dunia mengambil bahagian dalam achara ini yang berbukit bukau sa-jauh tiga batu.
9.35 THE SECRET WAR — "The Deadly Waves"
10.25 KOJAK — "An Unfair Trade"
11.15 SIARAN TAMAT.

# BILA BERCHAKAP DI-RADIO

**Oleh: STEWART WAVELL**

SA-GENAP lapisan masharakat di-Brunei berchakap di-Radio. Ramai di-antara mereka berchakap dalam kesempatan bertemu-ramah di-kampong2 pendalaman atau di-tempat2 kerja mereka. Sa-tengah2-nya pula di-jemput menulis sekerip cheramah untok di-siarkan di-studio. Maka untok orang2 baru saperti ini-lah penerangan2 berikut ini agak boleh memberi pertolongan.

Bila awda menulis sekerip cheramah, maka awda memerlukan sa-orang penerbit-nya. Dia-lah yang bertanggong-jawab ka-atas cheramah itu hingga di-siarkan. Dia-lah menjadi pemandu awda dan memberi tahu awda batas2 persoalan-nya dan bagaimana chara yang paling baik mempersembahkan-nya. Umpama-nya dia akan menchadangkan berapa panjang-nya cheramah itu samada 30 minit, 14 minit atau mungkin 9 minit atau hanya chuma 3 minit sahaja untok ranchangan majalah. Dia akan meminta bentok kasar sekerip awda itu. Ini bererti sekerip terpaksa di-ubah-suai supaya memberi kesan kapada para pendengar.

Nasehat saperti ini-lah yang harus awda terima dari sa-orang penerbit. Ini-lah satu permulaan dari cheramah awda itu yang akan menjadi buah mulut pendengar kemudian nanti. Jika awda tidak dapat menawan perasaan pendengar pada cheramah pertama atau kedua, maka pendengar akan merasa bosan dan menutop radio, kerana itu awda mesti-lah pandai menarek hati pendengar sejak dari mula.

Ini boleh di-mulakan dengan satu pengalaman atau mungkin dengan satu peristewa yang melibatkan 'action' malah lebeh baik lagi peristewa itu melibatkan diri awda sendiri.

Dengan chara ini awda dengan chepat berjaya menawan perasaan para pendengar terhadap apa yang awda perkatakan.

Bagaimana untok meneruskan cheramah itu supaya fikiran dan minat pendengar tetap tertawan? Bimbing-lah pendengar itu ka-depan sa-tapak demi sa-tapak dengan chara yang lojik, dengan itu dia akan menurut apa yang awda katakan.

Berusaha-lah membawa-nya supaya pendengar itu dapat melihat gambaran dari fikiran awda itu. Tetapi elakkan gambaran kabur. Berikan chontoh2-nya. Ini-lah jiwa raga radio. Dan awda akan dapat menguasai perhatian pendengar dengan sa-penoh-nya.

Jika awda berusaha untok mengemukakan satu tujuan penting dalam masa tiga minit untok mendapat kerjasama orang ramai, katakan-lah untok menyeru orang ramai supaya di-X-ray untok menchegah penyakit TB atau untok menggalakkan pemandu2 supaya memandu kereta dengan chermat, maka beri-lah penerangan dengan jelas dan berikan dua tiga chontoh yang berlainan. Dengan chara ini maksud awda akan terchapai.

Kempen menchegah batok kering yang di-lancharkan di-radio baru2 ini telah mendapat kejayaan yang besar dengan chara chuma menggunakan idea yang sarupa tetapi di-laksanakan dalam berbagai-bagai chara.

Bila orang ramai mendengar radio, mereka akan faham dari mula apa yang awda katakan. Pendengar tidak dapat memanggil awda melalui radio yang di-dengar-nya itu "Hi datang lagi ka-sini, tolong chakap sa-kali lagi!" Kerana itu pendengar mesti di-fahamkan dalam berchakap sakali gus itu.

Selalu-nya pendengar tidak ada masa untok memberi perhatian sa-penoh-nya ketika mendengar radio. Ada kala-nya di-samping mendengar radio itu dia bertengkar dengan isteri-nya, atau sedang membuat kerja2 membasoh atau sedang memujok anak yang sedang menangis. Kerana itu perlu di-adakan dua tiga chara siaran yang berlainan dan apa yang awda katakan itu akan di-fahami pendengar.

Satu lagi awda akan di-minta oleh penerbit supaya berchakap betul2 menghala ka-maikrofon — bukan tundok ka-arah sekerip. Dan berchakap sa-chara bersahaja tidak bergaya-gaya macham orang berpidatu dengan chara begitu pendengar tak menyangka yang awda membacha sekerip.

Angkat kertas sekerip itu sedikit 'ka-siring' maikrofon. Dengan chara ini awda akan mendapati hasil rakaman yang paling baik, kerana suara awda terus masok ka-maikrofon tidak ka-atas meja, ka-dinding kemudian baru melantul ka-maikrofon.

Jika ini berlaku suara awda tidak terang bunyi-nya. Sa-belum meninggalkan studio jangan lupa menanda-tangani borang perjanjian bayaran dan pastikan samada cheramah awda itu akan di-buat siaran ulangan-nya, kerana jika ada siaran ulangan awda berhak mendapat bayaran tambahan sa-banyak 30% lagi.

Pastikan yang awda mendengar siaran cheramah itu untok mengetahui di-mana salah-nya. Kita memerlukan keritik untok menjadi penyiar yang baik. Dan jika awda sendiri sa-orang pendengar dan ingin untok membuat keritik dan teguran ka-atas ranchangan2 radio, sila-lah alamatkan surat2 awda kapada Pengelola Bahagian Melayu atau Inggeris atau China, Jabatan RTB.

intisari RTB minggu ini

## ROOTS: Episod ke-tujoh

ALEX Haley sekarang berusia 40 tahun dan telah menjadi sa-orang penulis professional untok sa-lama hampir sa-puloh tahun. Dia menetap dalam keadaan aman dan damai di-New York's Greenwhich Village.

Dia kembali ka-Henning, Tennessee untok menghadhiri pengkebumian emak saudara-nya Liz dan ini memberi peluang untok mereka sa-keluarga mengenali diri mereka masing2.

Simon, ayah kapada Alex maseh lagi merasa tidak senang dengan kerja Alex sabagai sa-orang penulis. Tidak lama sa-telah dia kembali ka-New York, Alex menerima arahan dari "The Readers Digest" untok menulis sa-buah renchana tentang Malcolm X, sa-orang ketua orang2 Islam berkulit hitam.

Alex pergi menemui Malcolm X. Malcolm dengan tenang menerangkan kapada Alex yang dia tidak perchaya kapada orang2 yang berkulit-puteh dan hanya memperchayai Alex kira2 5 peratus. Bagaimana pun dia mampu mengumpolkan banyak bahan untok menulis artikel mengenai Malcolm, dan meneruskan membuat temu-ramah yang lain — kali ini dengan George Lincoln Rockwell, pemimpin parti Nazi Amerika.



**ALEX Haley sedang menemu-ramah George Lincoln Rockwell (yang di-lakunkan oleh Marlon Brando) pemimpin parti Nazi Amerika, dalam episod 7 ROOTS: The Next Generations. Bahagian Pertama yang akan dapat di-saksikan di-peti talivishen awda masing2 pada hari Isnin 3hb September jam 7.40 malam.**

## Brunei Graduat



**BRUNEI Graduates programme th invites you to listen to Dayang Mohd. Hussain, a Language Office Dewan Bahasa dan Pustaka. It's p.m. tomorrow and repeated on S 8.00 p.m.**



# WI jual kueh raya

TEMURAMAH Penerbit Dunia Wanita, Dayang Salmah Abdul Rahman dengan Hajjah Samsiah Abd Latif, bagi pehak WI, mengenai dengan penjualan kueh2 Hari Raya. Temuramah tersebut telah di-siarkan sa-masa Hari Raya yang baru lalu dalam ruangan RAMPAI SARI RAYA.



**GAMBAR: Sa-buah pemandangan dari episod THE INCREDIBLE HULK, "Stop the Presses", p Ahad 2hb September jam 7.40 malam. Ketika bertugas di-sa-buah restoran yang menjadi bahan berit The National Observer yang menurut-nya menjalankan kegiatan penipuan, Banner termasok dalam gambar yang di-ambil di-restoran itu. Kerana khuatir ini akan di-siarkan kapada umom, dia menyer ka-ibu pejabat perchetakan itu, yang memberi kesempatan bagi McGee untok bertemu dengan "Hulk"**

# ERADUAN MENULIS MINGGU KESIHATAN

..AR2 Tingkatan 5 dan 6 di-negeri ini di-persilakan mengambil bahagian dalam peraduan minggu kesihatan anjoran Radio Brunei untok memenangi hadiah2 wang tunai $200.00, .. dan $50.00. Hadiah2 ini akan di-berikan oleh Jabatan Perubatan dan Kesihatan kamenang2 dalam bahagian menulis karangan sa-panjang 600 perkataan, menchipta sajak dan menchipta chogankata.

..karya awda boleh di-kirimkan dalam bahasa Melayu, Inggeris dan China.

Hasil karya para pelajar boleh-lah di-hantar kapada : MINGGU KESIHATAN RADIO, ..AN RTB, BANDAR SERI BEGAWAN.

..ah yang harus para pelajar tulis ? ..anchaman sampah sarap di-.. yang sa-patut-nya awda buat ..sarap awda? Bagaimana untok ..botol2 dan tin2 kosong ? Bagai-..gerah penyakit dari merebak ? ..untok menchegah kontrektor2 dari ..kan barang2 mereka di-tepi2 jalan ..ghalang pengaliran longkang2 dan ..membiakkan nyamok? Bagaimana ..menchegah orang ramai dari membuang ..di-tepi2 jalan yang menyebabkan la-..lalat2 kian membiak yang akhir-..akit pun menular.

..untok memberikan kesedaran ..anak2 muda dan orang2 dewasa be-..bahaya-nya kapada kesihatan akibat ..g botol2 dan tin2 kosong serta sam-.. mengikut suka hati sahaja.

..lain perkataan, bagaimana kita menjadikan Negeri Brunei ini sa-buah ..ng indah dan raayat-nya sehat wala-..il karya yang pendek tetapi bernas ..lebeh baik dari hasil karya yang pan-..jela-jela tetapi tidak menentu.

..i tutop pada 20hb September, 1979.

## ANTI LITTER SCHOOLS RADIO COMPETITION

SENIOR boys and girls in Brunei schools, 5th and 6th Form are invited to take in a Radio competition with prizes of $200, $100 and $50. The prizes will be awarded by the Health Department for short essays of 600 words, short poems and slogans. Entries can be in Malay, English and Chinese.

Entries should be sent to Radio Anti-litter Campaign RTB, Bandar Seri Begawan. What should you write about? The growing threat to Brunei to litter. What to do with your rubbish ? How to get rid of your bottles and tin-cans ? How to prevent the spread of disease ? How to discourage contractors from dumping waste materials at the side of the road blocking drains and causing mosquitoes to multiply in stagnant water? How to discourage people from throwing their rubbish at the sides of roads where flies can breed and germs can lead to epidemics ? How to make boys and girls and adults aware of the dangers to health in throwing bottles, tin-cans and rubbish all over the place? In a word, how to keep Brunei beautiful and healthy. Short contributions to the point are better than long dissertations.

Closing date: September 20th.

## Tayangan malam minggu

OMAR Sharif memainkan peranan Uraz, dalam tayangan malam minggu kali ini: THE HORSE MEN.

Uraz merasa malu kerana kekalahan-nya dalam satu pertandingan dan tidak dapat mengekalkan nama baik ayah-nya, sa-orang penunggang kuda yang paling terkenal di-Afghanistan. Dia terpaksa memberitahu ayah-nya sa-chara peribadi tentang kegagalan-nya. Tanpa mengindahkan kaki-nya yang patah, dia dan orang surohan-nya menuju ka-rumah ayah-nya, dan membawa sa-orang wanita yang mengembara, Zeheh yang maseh dalam perjalanan-nya.

Kerana kesakitan yang di-hidapi-nya, Uraz melayan orang2-nya dengan begitu kasar sekali yang mana telah mendorong mereka untok membunoh-nya dan melarikan duit-nya bersama kuda jantan-nya yang bernilai tinggi itu.





## Siri baru Dog & Cat

TEMUI-LAH Dog dan Cat, dua orang anggota pulis yang menjalankan penyiasatan dengan menyamarkan diri yang bila menjalankan tugas kelakukan mereka menyerupai anjing dan kuching, kechuali jika mereka menjalankan tugas mereka.

Jack Ramsey ia-lah sa-orang pengintip dan pemuda yang gagah tapi mempunyai fikiran yang agak sempit dan J. Z. Kane merupakan sa-orang pengintip wanita yang mempunyai paras yang chantek dan berwatak tenang.

Mereka berdua merupakan pasangan yang berlainan watak . . . tetapi mereka-lah di-antara mereka2 yang berjaya.

Episod pertama-nya akan dapat di-saksikan pada hari Sabtu 1hb September jam 9.05 malam.

## TALIVISHEN PENDIDEKAN MENGKEHENDAKI:—

### PENYAMPAI ATAU JURUACHARA RANCHANGAN BARU TVP "KAP-KAP UDANG" ATAU "ROMPER ROOM"

PEMOHON2 ada-lah di-pelawa dari guru2 perempuan yang sedang berkhidmat dengan Jabatan Pelajaran bagi menjalankan tugas2 sa-bagai penyampai atau juruachara tetap bagi siri ranchangan baru TVP yang di-beri nama "Kap-Kap Udang", juga di-kenali antarabangsa dengan nama "Romper Room". Ranchangan ini ada-lah di-tujukan untok kanak-kanak dalam Pra-Sekolah.

Pemohon2 mesti-lah memenohi sharat2 berikut : —

(a) Faseh bertutor dalam bahasa Inggeris dan Melayu, serta mempunyai suara yang baik.
(b) Berperawakan yang menarek.
(c) Berpengalaman mengajar sa-lama 5 tahun dan berkebolehan melayani kanak-kanak.
(d) Bersedia bekerja pada hari2 kelepasan dan bila2 di-kehendaki.
(e) Berkebolehan dalam bidang musik (menyanyi atau memain alat musik) bercherita dan melayan kanak-kanak.

2. Pemohon yang berjaya di-terima menjadi penyampai akan di-hantar untok menjalani satu kursus singkat di-Australia.

3. Permohonan2 hendak-lah di-isikan dalam borang yang di-sediakan saperti dibawah dan borang2 ini boleh di-dapati dari Guru2 Besar melalui Jabatan Pelajaran. Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada : —

Penerbit "Kap-Kap Udang",
Bahagian Talivishen Pendidekan,
Radio dan Talivishen Brunei,
Brunei

tidak lewat dari 14hb September, 1979.

### BORANG PERMOHONAN UNTOK MENJADI PENYAMPAI TALIVISHEN PENDIDEKAN

Kapada :

Penerbit "Kap-Kap Udang",
Bahagian Talivishen Pendidekan,
Radio dan Talivishen Brunei,
Brunei

Saya ingin memohon menjadi JURUACHARA TVP. Butir-butir mengenai diri saya ada-lah saperti berikut : —

Nama Penoh : ..........................................................

Alamat Tetap : ..........................................................

Alamat Persuratan : ..........................................................

Talipon : .............................. (jika ada).

Umor : .............................. Tarikh Lahir : ..............................

Tinggi : ..............................

Warganegara : .............................. No. Kad Pengenalan : ..............................

Warna : ..............................

Kelulusan : ..........................................................

..........................................................

Masa Mengajar : .............................................. Pagi/Petang.

Pengalaman : ..........................................................

..........................................................

Kebolehan2 lain : ..........................................................

..........................................................

Saya mengaku butir-butir di-atas ada-lah benar, saya bersedia bila-bila masa untok di-panggil untok ujian ka-Studio RTB.

Saya sertakan juga gambar berukoran poskad (4" x 6") saperti yang dikehendaki.

Tanda Tangan : .............................................. Tarikh : ..............................

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## DARI 29HB OGOS HINGGA 4HB SEPTEMBER, 1979

### RABU

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra irama; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan salokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Ruangan muda mudi; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph pendengar. T/HARI: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu kah awda ?; 1.30 — Sekitar masharakat (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan fardhu magrib dan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Permintaan parajurit — Azan fardhu isha; 7.30 — Sekolah ka-sekolah (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mengenang zaman silam; 9.00 — Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30 — Usaha jaya; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

### KHAMIS

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.15 — Rampaian London (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Varia Peristewa (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran selingan; 10.30—Teman mekar (SU); 11.00—Usaha Jaya (SU); 11.30—Dari Kampong ka-kampong. T/HARI: 12.00 — Selingkar madah — Azan fardhu dzohor; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Kisah dan tauladan; 1.30 — Tunas harapan. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam; 6.00 — Mari berzikir — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Hidayat — Azan fardhu isha; 7.30 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara radio; 9.30 — Tahukah awda? (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

### JUMAAT

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 7.45 — Siri mukkadam (SU); 8.00 — Pertanian dan perikanan; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Peristewa Dalam Sa-minggu; 11.30 — Tunas Pendidek. T/HARI: 12.00 — Permainan gambus; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama. PETANG: 2.00 — Untok Belia; 2.30 — Suara dari bintang2; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Soalan di-udara; 3.30 — Mutika 79 — Azan untok fardhu asar; 4.00 — Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30 — Di-bumi bertuah; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Irama lagu asli — Azan untok fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Cherpen dan Salokan-nya — Azan fardhu isha; 7.30 — Brunei Graduates; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Kisah dan tauladan (SU); 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Chitrawara; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

### SABTU

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Chitrawara (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Panorama radio (SU); 11.00 — Majallah shell (SU); 11.30 — Suara dari bintang2 (SU). T/HARI: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Brunei Graduates (SU); 1.30— Ruangan Bertutoran. PETANG: 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh perindu — Azan magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Chitra irama (SU) — Azan isha; 7.30 — Tunas harapan (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar madah (SU); 9.00 — Bertuturan; 9.30 — Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

### AHAD

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Mastika radio; 8.30 — Dunia wanita; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30— Hello Siapa di-sana; 11.00 — Bengkel penulis/Terima sampul surat; 11.30 — Sekolah ka-sekolah. T/HARI: 12.00—Sandiwara radio; 12.15 — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria/Persembahan pancharagam; 1.45 — Ruangan ketani. PETANG: 2.15 — Suara Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Mari Berpantun—Azan asar; 3.46—Mengenang Zaman Silam; 4.00—Arena Sokan; 4.30—Majallah shell; 5.00—Harian radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Komintar radio; 6.00—Buloh perindu (SU)—Azan magrib; di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Suara parajurit — Azan isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sekitar masharakat; 9.00 — Keluarga jaya; 9.30 — Mari berzikir (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan illahi 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

### ISNIN

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Peristewa dunia minggu ini; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Dari jiran tetangga. T/HARI: 12.00 — Komintar radio (SU) — Azan dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Dendang asli. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja — Azan magrib di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Arena sokan (SU) — Azan isha; 7.30 — Keluarga si-awang (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Tamu minggu ini; 9.00 — Pertanian dan perikanan (SU); 9.30 — Seminggu dalam kenangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

### SELASA

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Varia peristewa; 8.45 — Dendang antarabangsa; 9.45 — Rampaian London; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Senandong ria; 10.30 — Sa-minggu dalam kenangan (SU); 11.00 — Mastika radio (SU); 11.30 — Pop Science music. T/HARI: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu minggu ini; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan anika instrumental — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Ruangan ketani (SU) — Azan untok fardhu isha; 7.30 — Salam dari ku; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Lambaran Dalam Sa-minggu; 9.00 — Chator (SU); 9.15 — Di-bumi bertuah (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## FROM 29TH AUGUST TO 4TH SEPT, 1979

### WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Hits In Germany. PM: 12.30 — News; 12.45—International Money Programme; 1.00—Ready to Roll introduced by Sheikh Abas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—What's Wrong With Me Doctor? (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — Free Time (repeat); 10.00 — Close Down.

### THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon . . . 11.45 — World of Education. NOON: 12.00 — My Music. PM: 12.30 — News; 12.45 — Brunei Graduate produced by Viviyanti Ali; 1.15 — In Search of the Curious by Bridgette Robinson produced by Veronica Shim; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Theatre Forty-Five "Under The Loofah Tree" by Giles Cooper; 8.45 — Welcome to My World by Lynette Lithgow; 9.00—Blowing in the Wind produced by Nafisah Haji Ali; 9.15 — News; 9.30 — 33.33 by Bob Kay; 10.00 — Close Down.

### FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Rock Line; 11.15 — From School to School produced by Tajul Ahmad; 11.45 — Light Music From Netherland. NOON: 12.00 — Radioscope produced by Viviyanti Ali. PM: 12.30 — News; 12.45 — Higher and Faster; 1.00 — Dr Finlay's Casebook; 1.30 — Close Down. 8.00—Opening Announcement — From School to School (repeat); 8.30—Sheikh Abas calling on you; 9.15 — News; 9.30 — Those were the Days presented by Jaafar Yaakub; 10.00 — Close Down.

### SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Just A Minute; 11.30 — International Call. NOON: 12.00 — A Hundred Years of Dance Music — Programme 1 featuring the Congress Dances. PM: 12.30 — News; 12.45 — BBC World Report; 1.00—Just for Variety produced by Sheikh Abbas; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — Book Club — "Life At The Top" by John Braine episode 2; 9.15 — News; 9.30 — Top of the Pops; 10.00 — Close Down.

### SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half-Hour produced by Veronica Shim; 11.30 — Women's World produced by Charan Chand. NOON: 12.00 — The Frank Muir Version "University Education". PM: 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong With Me Doctor ? by Bob Kay; 1.00 — "Two Away For No" by Nafisah Haji Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Brunei Graduate (repeat); Perspective; 8.45 — The Young Sound by Tajul Ahmad; 9.15 — News, 9.30 — Sunday Night Special with Idaris Ali; 10.00 — Close Down.

### MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round — Steptoe Announcement — Music-Go-Round. NOON: 12.00 — Steptoe and Son. PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Charan Chand; 1.15 — Interlude; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Hello Tomorrow; 8.15 — Monday's Night Mail presented by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — Before we say goodnight by Ak Hisamuddin Pg Yaakub; 10.00 — Close Down.

### TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — BBC Sports Magazine. NOON: 12.00 — Talking About Music. PM: 12.30 — News; 12.45 — Behind the News by Jaafar Yaakub; 1.15 — Blowing in the wind (repeat); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special featuring "Joan Baez" Side 2; 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — "Two Away For No" (repeat); 10.00 — Close Down.

# Bolakeranjang peringkat akhir

TUTONG. — Empat pasokan telah bertanding dalam perlawanan Peringkat Akhir Bolakeranjang Lelaki yang telah berlangsong di-gelanggang Sekolah Chung Hwa di-sini minggu lalu.

Perlawanan yang di-anjurkan oleh Persatuan Bolakeranjang Amatur Tutong itu ada-lah sempena menyembut hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ka-33 tahun.

Perlawanan tersebut telah di-menangi oleh Pasokan Sin Siang Ho dan telah berjaya menerima Piala Rebutan yang di-hadiahkan oleh Sharikat Swee.

Pasokan Swee (B) telah memenangi tempat kedua, ketiga Pasokan Daihatsu tempat ke-empat ia-lah Pasokan Swee (A).

Semua-nya sa-banyak sebelas pasokan telah mengambil bahagian sejak perlawanan itu di-mulakan awal bulan lalu.

Terdahulu dari itu beberapa hari sebelum-nya perlawanan akhir di-jalankan, perlawanan bagi bahagian perempuan yang hanya di-sertai oleh dua pasokan telah pun di-adakan di-mana pemenang-nya telah menerima sa-buah piala yang di-sumbangkan oleh Then Fook.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penolong Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Maidin bin Pengiran Hashim.

**GAMBAR kanan menunojkkan ketika perlawanan sedang berjalan manakala bawah kelihatan ketua pasokan yang menang sedang menerima Piala Swee dari Penolong Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Maidin bin Pengiran Hashim.**






## Kejohanan Chator Kebangsaan Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan Kejohanan Chator Kebangsaan Brunei 1979 sempena menyambut hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Yang Ke-33 tahun telah pun berakhir minggu lalu.

Perlawanan yang di-jalankan sebanyak sembilan pusingan dan sechara 'Swiss System' itu ada-lah atas anjuran Persatuan Chator Brunei dan telah pun bermula pada 3hb Jun 1979 yang lalu.

Ia-nya terbahagi kapada empat bahagian dan berikut ia-lah keputusan dari perlawanan tersebut: —

Dalam bahagian kajohanan Chator Terbuka Bahagian Satu, Johan telah di-menangi oleh Ak Mohammad Limbang bin Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Yusof, Naib Johan Awang Anthony Chin dan Ketiga Awang Mohammad bin Haji Metahir.

Kejohanan Chator Terbuka Bahagian Dua, Johan telah di-menangi oleh Awg Serbini bin Awang Haji Abu Bakar, Naib Johan Awang Hashim bin Mohammad Said dan Ketiga Awang Rosli bin Haji Ibrahim.

Kejohanan Bahagian Remaja Terbuka Di-Bawah Umor 18 tahun, Johan telah di-menangi oleh Awang Isa bin Haji Metahir, Kedua Ak Asrul Muhiddi bin Pengiran Japar dan Ketiga Awang Matsateju Sukiaw.

Sementara itu dalam Kejohanan Berpasokan Terbuka 5 Orang Sa-Pasokan, Pasokan Kampong Mabohai telah berjaya menjadi johan, Kedua Pasokan Pengiran Laila Wijaya dan Ketiga Pasokan Jabatan Kerja Raya.

Pemenang2 di-jangka akan menerima hadiah2 mereka di-satu Majlis Penyampaian Hadiah yang di-jangka berlangsong pada pertengahan bulan depan.

BELIA DAN SOKAN

# PERTAHANAN ALEKHINE

# MAIN CHATOR — PERMAINAN DIRAJA

OLEH: STEWART WAVELL

## Siri ke-41

PERTAHANAN ini tidak begitu di-gunakan di-Brunei. Oleh yang demikian ia mempunyai nilai yang mengkagumkan dan berfaedah di-pelajari dengan sa-lengkap-nya sa-bagai sa-bahagian daripada himpunan permainan pembukaan awda. Ia ada-lah satu hasil daripada Golongan Hypermodern tahun 1920an yang peminat2-nya menchuba mengumpan Bidak2 Puteh bergerak ka-bahagian tengah dan memusnahkan-nya sa-belum Hitam menubohkan satu bahagian tengah-nya sendiri. Permainan Pertahanan Alekhine yang pertama telah di-mainkan oleh Alekhine melawan A. Steiner di-Budapest dalam tahun 1921, walau pun perchubaan2 untok berjinak-jinak dengan idea itu telah di-lakukan oleh Anderssen dengan Pearson di-London dalam tahun 1863. Ia telah di-mainkan oleh juara2 dunia sejak Capablanca dan Alekhine. Ia mula-mula di-mainkan dalam kejuaran dunia pada tahun 1935. Senarai pemain handalan yang mempelopori pembukaan itu dan telah memperkaya teori-nya tiba kapada kemunchak-nya dengan Symslov, Hort, Korchnoi, Larsen, dan Fischer, termasok sa-bahagian besar pemain terkemuka jenerasi sekarang. Pembukaan itu hilang kepopularan-nya dalam tahun 1930an tetapi kembali di-gemari dalam tahun 1960an.

Balasan yang paling koman oleh Puteh terhadap Pertahanan Alekhine di-sebut Serangan Empat Bidak saperti berikut:

1. B-e4 K-f6
2. B-e5 K-d5
3. B-d4 B-d6
4. B-c4 K-b6
5. B-f4

Hitam mempunyai tiga pilehan balasan:

A. 5. . . . G-f5
B. 5. . . . B-g6
C. 5. . . . BxB

Mari-lah kita chuba Balasan A dahulu:

5. . . . G-f5
6. K-c3 B-e6
7. G-e3 G-e7
8. K-f3 0-0
9. G-d3

Kedudokan Puteh tetap kukoh. Sekarang Balasan B. Ini mungkin yang terbaik.

5. . . . B-g6
6. K-c3 BxB
7. B(f4)xB G-g7
8. G-e3 0-0
9. K-f3 G-g4

Sekarang Balasan C:

5. . . . BxB
6. B(f4)xB G-f5
7. G-e3 B-e6
8. K-c3

Besar kemungkinan Puteh akan menchuba merempoh masok pada lorong Menteri dengan menggerakkan B-e5. Oleh yang demikian ia mungkin memileh untok berkubu pada sebelah bahagian Raja sa-belum membena Kuda Menteri-nya.

Awda nampak yang Puteh mengekalkan satu kedudokan yang kuat dengan kawasan yang luas untok bergerak jika ia memainkan pembukaan itu dengan betul, tetapi akan menempoh malang jika ia dengan chepat memajukan Bidak2-nya yang di-bahagian tengah. Ingat-lah yang keselurohan tujuan pemain2 hypermodern ada-lah untok mengumpan keluar Bidak2 yang di-bahagian tengah itu dan kemudian memusnahkan-nya.

Satu lagi variasi penting yang munchul terkemuka dalam tahun2 kebelakangan ini di-sebut Modern Variation yang mengajukan gerak 4. . . ., B-g6 lebeh awal daripada yang terdapat dalam Serangan Empat Bidak (Four Pawns Attack). Ada-lah satu kenyataan yang di-sebabkan gerak ini dapat di-mainkan, minat terhadap Pertahanan Alekhine sa-makin berkembang. Hitam berharap untok mendudokan Gajah Raja-nya supaya lebeh-aktif daripada gerak pilehan . . ., G-b5 walau pun maksud permainan-nya tetap untok memberi tekanan di-atas petak2 hitam.

Berikut ada-lah Modern Variation:

1. B-e4 K-f6
2. B-e5 K-d5
3. B-d4 B-d6
4. K-f3 B-g6

Sekarang Puteh mempunyai tiga pilehan bergerak:

A. 5. K-g5

Jika Hitam bermain B-h6 jadi 6. KxB, RxK; 7. M-f3 asah dengan mendapat kelebehan; jadi Hitam dapat bermain samada 5. . . ., B-c6, 5. . . ., BxB, atau 5. . . ., B-f6. Kita ambil yang pertama dahulu:

5. . . . B-c6
6. M-e2 B-h6
7. K-e4 G-g7
8. B-f4 0-0
9. K-c3 KxK
10. KxK B-c5
11. B-d5 B-e6!
12. G-e3 BxB(d5)
13. KxB K-c6

dan seterus-nya.

Sekarang apa yang berlaku dengan 5. . . ., BxB?

6. BxB G-e7
7. G-c4 B-c6
8. B-e6 GxB
9. KxG BxK
10. 0-0 M-b6

Puteh mempunyai sa-pasang Gajah dan susunan Bidak yang lebeh baik, sementara Hitam mempunyai permainan yang aktif untok buah-chator-nya, walau pun satu Bidak yang lebeh bagi-nya itu tidak-lah begitu mempunyai pertalian — kechuali ia dapat melepaskan Bidak itu kena makan tetapi maseh mengekalkan persaimbangan buah-chator.

Akhir-nya kemungkinan ketiga:

5. . . . B-f6
6. B-c4 K-b6
7. B-e6!? BxK
8. B-d5 G-g7
9. B-a4 B-a5
10. TxB! di-ikuti oleh M-g4!

Satu lagi variasi yang patut awda ikuti ada-lah yang di-sebut The Exchange Variation.

1. B-e4 K-f3
2. B-e5 K-d5
3. B-d4 B-d6
4. B-c4 K-b6
5. BxB

Ini-lah salah satu gerak Puteh yang terbaik apabila melawan Pertahanan Alekhine, di-sebabkan terutama-nya Puteh tidak-lah berusaha begitu keras. Ia bersedia berpada dengan satu kelebehan kechil tetapi dapat bertahan lama di-mana satu permainan tanpa ranchangan di-pehak Hitam biasa-nya akan menemui pemusnahan.

Satu lagi sistem popular ada-lah bagi Puteh bermain K-c3 pada gerak ketiga-nya.

1. B-e4 K-f6
2. B-e5 Kd-4
3. K-c3

Sa-lepas makan-memakan Kuda, Puteh dapat menubohkan satu bahagian tengah yang kukoh dengan makan menggunakan Bidak Kuda.

# Pemenang2 penulis skerip drama di-Radio dan TV

BANDAR SERI BEGAWAN.— Peraduan Menulis Skerip Drama Radio dan TV yang di-kelolakan oleh sa-buah jawatankuasa kechil bersempena Sambutan Tahun Hijrah 1400 dalam bulan Mei lalu telah mengeluarkan keputusan nama2 peserta yang memenangi peraduan tersebut.



Awangku Aji.



Mohammad Timbang.

Dalam bahagian Peraduan Menulis Skerip Drama Talivishen, hadiah pertama yang bernilai $800.00 telah di-menangi oleh Ak Aji bin Pengiran Md. Tahir dengan drama yang bertajok 'Anak Bertuah'. Hadiah kedua bernilai $700.00 telah di-menangi oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Mohd Yusof dengan drama yang bertajok 'Kesedaran' sementara hadiah ketiga yang bernilai $600.00 telah di-menangi oleh Awang Samat bin Jamahat dengan tajok drama-nya 'Berkat Darussalam'.

Sementara itu empat hadiah penghargaan yang masing2 berjumlah $300.00 telah di-berikan kapada Pengiran Mohammad Razeh bin Pengiran Haji Abdul Rahman dengan tajok drama 'Fajar Satu Hijrah', Sapami bin Abdullah dengan tajok drama 'Pergi Tak Kembali;' Md Shahri bin POKJ Haji Md Hussin dengan tajok drama 'Pendatang' dan Awang Metussin bin Haji Md Tahir dengan tajok drama-nya 'Chahaya'.

Dalam bahagian Peraduan Menulis Skerip Drama Radio pula hadiah pertama yang bernilai $400.00 telah di-menangi oleh Awang Mohammad bin Timbang dengan tajok drama-nya 'Anak Rumah Panjang', hadiah kedua $300.00 telah di-menangi oleh Awang Sulaiman bin Haji Abdul Wahab dengan tajok drama 'Chahaya-nya Tetap Bersinar' sementara hadiah ketiga bernilai $200.00 di-menangi oleh Awang Metussin bin Haji Md Tahir dengan tajok drama 'Mu awiyah bin Abi Suffian."

Sementara tiga hadiah penghargaan yang masing2 bernilai $100.00 telah diberikan kapada Awang Mahmud bin Pengarah Digadong Haji Abu Bakar dengan tajok drama 'Menunggu Satu Harapan'; Awang Osman bin Pehin Tuan Imam Dato Setia Awang Haji Mohd Tamin dengan tajok drama-nya 'Darah Mereka Bersatu' dan Awang Abdul Latif bin Haji Ibrahim dengan tajok drama 'Inikan Pula Kampong Halaman '

Upachara penyampaian hadiah2 di-jangka akan diadakan dalam bulan Nobember yang akan datang ketika Sambutan Tahun Hijrah 1400 di-adakan.



PENDERMA, Awang Haji Tuah (tengah) ketika menyampaikan derma-nya kapada YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein dengan di-saksikan oleh Datin Hajjah Zaharah.

# DERMA UNTOK ANAK2 YATIM DAN SA-ORANG BALU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang peniaga dan kontrektor tempatan, Awang Haji Tuah bin Ahmad telah menyumbangkan derma sa-keping chek bernilai $3,000 untok Tabong Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei.

Sumbangan derma tersebut telah di-sampaikan kapada Pengerusi Tabong itu, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussien dan di-saksikan oleh Timbalan Pengerusi Tabong itu, Datin Hajjah Zahrah bte Haji Idris.

Sumbangan itu telah disampaikan di-satu upachara di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan di-sini pada hari Khamis 16hb Ogos yang lalu.

Dan pada minggu lalu, Datin Hajjah Zahrah juga telah menerima sumbangan derma berjumlah $1,102 untok Tabong Derma Anak2 Yatim.

Manakala itu Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein juga telah menerima sumbangan derma sakeping chek bernilai $200 untok Tabong Derma Anak2 Yatim, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan.

Penderma tersebut ia-lah Dayang Kamariah bte Abdullah dan ia-nya telah di-sampaikan oleh Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim bagi pehak Dayang Kamariah.

Sumbangan tersebut telah di-sampaikan di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan pada hari Selasa 21hb Ogos yang baru lalu.

Sementara itu pada hari yang sama Persatuan Bomba Brunei telah menyumbangkan derma bakti berjumlah $530 kapada balu Allahyarham Awang Bujang bin Sabtu yang telah meninggal dunia baru2 ini, ia-itu Dayang Rosnah bte Kampar berusia 30 tahun.

Sumbangan derma tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Dipertua persatuan itu Awang Mohd Said bin Taib di-satu upachara yang telah di-adakan di-Balai Bomba Sungai Lampai di-Kampong Ayer di-sini.

Ia-nya telah di-saksikan oleh pengerusi kebajikan persatuan itu, Awang Haji Sulaiman bin Mohammad dan Ketua Kampong Setia B, Awang Haji Musa bin Pengarah Haji Jair.

Dayang Rosnah berserta dengan sembilan orang anak-nya pada masa ini tinggal di-Kampong Setia di-Kampong Ayer.

Pelita juga telah di-fahamkan bahawa hingga satakat ini persatuan tersebut telah menyumbangkan derma kapada ahli-nya lebeh dari 20 orang ahli-nya sejak ia-nya di-tubohkan kira2 empat tahun yang lalu.



YB. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja ketika menerima derma sumbangan dari Dayang Kamariah bte Abdullah yang di-sampaikan oleh Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim.

# Hadhiri Kursus di-KL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awg Abdul Rahim bin Md Wali, sa-orang penerbit di-Jabatan Radio dan Talivishen pada hari Sabtu, 18hb Ogos yang lalu telah berlepas ka-Kuala Lumpur untok menghadhiri kursus sa-lama sa-bulan mengenai penerbitan ranchangan2 talivishen.

Kursus itu yang bertujuan untok meninggi dan menambahkan lagi ranchangan2 talivishen di-rantau ini di-anjorkan oleh pertubohan Bangsa2 Bersatu bagi Rantau Asia Pasifik dan di-kendalikan oleh Radio dan Talivishen Malaysia di-Angkasapuri.

Sementara itu tiga orang pegawai bomba yang berkursus di-Singapura telah pulang pada petang Isnin, 20hb Ogos lepas sa-telah berjaya menamatkan kursus sa-lama tiga bulan di-republik itu.

Mereka ia-lah Awg Jaafar bin Muhammad Noor, Awg Bujang bin Haji Daud dan Awg Ali bin Hj Jalil.

Sa-masa di-Singapura ketiga-tiga mereka telah ditempatkan di-beberapa balai bomba bagi menjalani berbagai kursus yang meliputi latehan2 menggunakan alat2 keselamatan yang moden.

# Pesta Ria Pantai di-Muara dan Tutong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu Pesta Pantai Ria yang di-anjurkan sabagai salah satu achara perayaan hari ulang tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-Daerah Brunei Muara akan di-langsongkan di-Pantai Muara pada 9 haribulan depan mulai jam 7.30 pagi.

Pesta itu akan di-serikan dengan berbagai-bagai persembahan dan peraduan termasok ujian memandu kereta dan motorsikal, lawak jenaka, berbalas pantun, pencharagam, bintang Pantai Ria serta peraduan2 tarian asli dan moden.

Borang2 untok menyertai peraduan dan juga untok mendapatkan gerai2 menjual minuman dan makanan boleh di-perolehi dari Awang Osman bin Umar di-Bahagian Sukatan dan Timbangan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Awang Mustafa bin Haji Abdul Rahman di-Pejabat Perjawatan dan Awang Kifli bin Haji Omar di-Pejabat Pelajaran. Borang2 tersebut hendak-lah di-kembalikan tidak lewat pada 2hb September ini.

Sementara Pesta Pantai Ria yang di-anjorkan sabagai sa-bahagian dari sambutan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-Daerah Tutong akan juga di-adakan di-Pantai Seri Kenangan pada 2hb September depan.

Berbagai-bagai achara permainan dan sokan akan di-adakan sa-masa pesta tersebut. Borang2 penyertaan boleh di-dapati dari kedai2 sharikat kerjasama di-daerah itu dan hendak lah di-kembalikan kapada pengerusi atau setia usaha jawatankuasa penganjor tidak lewat dari 1hb September.

# KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

## SA-BAGAI ANGGOTA P'TUKANGAN JURUTERA



OLEH kerana sistem senjata moden akan di-gunakan, Askar Melayu Diraja Brunei meng-kehendaki dengan segera rekrut2 yang sesuai untok latehan sa-bagai Pertukangan Jurutera.

Rekrut2 ini akan menerima latehan aka-demik dan peralatan di-Brunei, Singapura dan United Kingdom. Sa-lepas menamatkan lateh-an akan bertanggong-jawab untok memelihara dan membaiki alat2 pertemporan yang kom-pleks saperti helikopter, kapal2 peluru ber-pandu, kereta2 kebal, penangkis kapal terbang yang berpandu, senjata meriam yang sedang di-gunakan atau yang akan di-gunakan di-dalam AMDB.

Sa-bagai menghargai di-atas kemahiran2 mereka itu, mereka akan di-bayar gaji pertu-kangan khas mengikut kebolehan. Sa-lain dari itu mereka akan menerima semua elaun2 dan faedah2 yang biasa di-terima bagi soldadu2 yang berkhidmat di-AMDB saperti elaun cha-tuan dan lain2.

### KELULUSAN YANG DI-KEHENDAKI

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari raayat DYMM Sultan dan berumor di-antara 17½ dan 25 tahun dan terdiri daripada Bangsa Melayu ia-itu dari puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

Berikut ada-lah kelulusan yang di-kehen-daki :

a. Untok Pertukangan Tekneshen. (Ma-rine Artificer, Radio dan Radar Tek-neshen, Tekneshen Kapal Terbang dan lain2). Lulus Sijil Pelajaran Brunei perengkat biasa di-dalam Ilmu Hisab, Ilmu Fizik (atau Ilmu Sain) dan Bahasa Inggeris.

b. Untok Pertukangan Artisan. (Mekanik Kenderaan, Pembaiki senjata, Mekanik kapal terbang dan lain2) — Lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei termasok Ilmu Hisab, Ilmu Sain dan Bahasa Inggeris.

Jika KAMU berminat dalam mempelajari salah satu pertukangan yang membawa kapada kerjaya yang menggembirakan sa-bagai per-tukangan jurutera di-AMDB, penohkan bo-rang permohonan di-bawah dan alamatkan kapada :

Pegawai Pengambilan Rekrut
Askar Melayu Diraja Brunei
Bolkiah, Kem Brunei.
Talipon 23531 sambongan 01 atau 02

Nama : ..............................

No. Kad Pengenalan : .............................. Warna : ..............................

Tarikh Lahir : .............................. Tempat Lahir : ..............................

Alamat : ..............................

..............................

Nama Warith : .............................. Hubongan : ..............................

Alamat Warith : ..............................

..............................

Nama Sekolah : ..............................

..............................

Tingkatan : ..............................

Mata Pelajaran Perengkat Biasa/Brunei Cambridge dan keputusan : ..............................

..............................

..............................

..............................

Mata Pelajaran SRPB/BJCE dan keputusan : ..............................

..............................

..............................

..............................

No Talipon : ..............................

Tanda Tangan : ..............................

## Sa-bagai anggota Pasokan Pencharagam



## dan sa-bagai anggota Bomba



**Ahli Bomba**
**Ahli Pencharagam**

1. Menerima salah satu daripada dua sukatan tangga gaji :
   a. Ahli yang belum terlateh Sukatan 'B' — $473
   b. Ahli terlateh Sukatan 'A' — $490
   Kedua2 sukatan gaji ini tidak termasok elaun chatuan — $162.
2. Mengikuti latehan asas tentera sa-lama 25 minggu di-Pusat Latehan.
3. Menjalani kursus2 tempatan dan luar negeri bagi melayakkan diri di-bidang2 kerjaya tersebut.
4. Menerima elaun2 kemudahan2, keistemewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-beri-kan kapada anggota2 pasokan.
5. a. Kenaikan pangkat mengikut kebolehan dan kelamaan;
   b. Di-benarkan berpenchen sa-lepas 15 ta-hun perkhidmatan;
   c. Bidang kerjaya in mempunyai peluang baik untok mendapatkan pekerjaan di-luar apabila meninggalkan pasokan.

### SHARAT KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah DYMM dan tergolong ka-pada salah satu daripada 7 puak jati Me-layu; Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Ke-dayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon yang menjadi Warga Negara Brunei yang tidak tergolong kapada salah satu daripada tujoh puak jati Melayu itu mesti-lah memelok Ugama Islam dan me-ngamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei.
3. Bujang
4. Berbadan Sehat — Ukoran dada 34 inchi (Ahli Bomba)
5. Berumor 17½ — 25 tahun
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 2 inchi (Ahli Bomba)
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun
8. Mempunyai Sijil SRP/BJCE

Datang-lah ka-alamat di-bawah untok men-dapatkan maklumat lanjut. Dan jika kamu berminat isikan-lah borang yang di-sediakan dan hantarkan kapada :

Pejabat Pengambilan Pasokan
Askar Melayu Diraja Brunei
Bolkiah Kem, Brunei.
Talipon 23531 sambongan 01 atau 02

Nama : ..............................

No. Kad Pengenalan : .............................. Warna : ..............................

Tarikh Lahir : .............................. Tempat Lahir : ..............................

Alamat : ..............................

..............................

Nama Warith : .............................. Hubongan ..............................

Alamat Warith : ..............................

..............................

Tingkatan : .............................. Kelulusan : ..............................

Mata2 Pelajaran SRP/BJCE : ..............................

..............................

..............................

Kerjaya yang di-pileh : ..............................

No Talipon : ..............................

Tanda Tangan : ..............................

Tarikh: ..............................

## J.K.R. PEMBERITAHUAN TAWARAN

**BILANGAN No. KB 17/1979**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada kontrektor kelas AX sahaja dan ka-atas yang ber-daftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 11hb September, 1979 bagi:—

**The connection to the main sewers of 26 units barracks and 47 units Class C, E and F quarters and provision of Water-borne Sanitation to 26 units barracks at Kuala Belait.**

Surat2 keterangan serta bu-tir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB 17/1979**

TENDERS will be received from Class AX only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 non on 11th Septem-ber, 1979 for: —

**The connection to the main sewers of 26 units barracks and 47 units Class C, E and F quarters and provision of Water-borne Sanitation to 26 units barracks at Kuala Belait.**

**NOTE :**

**Contractors who wish to sub-mit for the above must have previous experience of ad-vanced de-watering techni-ques involved for deep trench excavation and also have sufficient equipment, plant etc. for this type of works. Site inspection commencing 14.00 hours at PB-1, Jalan Nakhoda Ragam, Kuala Be-lait on 8th September, 1979.**

Tender documents and all particular may be seen at the Office of Public Works Depart-ment, Kuala Belait.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. JURURAWAT PERCHUBAAN :

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah menchapai umor 18 tahun. Mereka mesti-lah lulus Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai sijil yang menunjokkan salah satu matapelajaran-nya ia lulus dalam Bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutor dalam Bahasa Melayu dengan chekap. Pemohon2 juga mesti-lah lulus dalam matapelajaran Inggeris.

**Sukatan Gaji :**

Dalam Perchubaan: M 3 — $ 395-408-421-446-459-472-491-510-529-548-548-567-587. Gaji permulaan bergantong kapada kelulusan persekolahan.

Jururawat Terlateh: M4 EB5 — $650-682-714-778-810 / EB / 880-905 - 931 - 956 - 982 - 1007-1033.

**Sharat2 Lantekan :**

a) Pemohon2 yang terpileh akan menjalani latehan bagi mendapatkan Sijil Jururawat Terlateh di-Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan. Lazim-nya latehan ini memakan masa salama 3 tahun 4 bulan. Satelah memperolehi Sijil Jururawat Terlateh, pemohon2 ada-lah berhak ditetapkan sa-bagai Jururawat Terlateh di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kerajaan Brunei.

b) Pakaian seragam ada-lah di-beri perchuma dan tempat tinggal akan di-adakan. Jururawat2 Perchubaan akan menerima alaon dhobi dan alaon makan.

c) Jururawat dalam perchubaan mesti-lah bujang.

2. PENOLONG JURURAWAT :

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah bujang dan berumor 18 tahun ka-atas. Mereka mesti-lah lulus Tingkatan I Inggeris atau Darjah VI Melayu.

Penolong Jururawat : M 2 — $383-395-408-421-434-446-459 - 472-485-497-510-523-536-548 / EB/561-574-587-599-612-625.

**Elaon :**

Pakaian seragam akan di-beri perchuma. Tempat tinggal akan di-sediakan sa-masa dalam latehan. Selain dari itu alaon makan sa-banyak $60 sabulan di-bayar sa-masa dalam tempoh perchubaan.

**Tempoh Perchubaan :**

Tempoh perchubaan biasanya ia-lah sa-lama 2 tahun 4 bulan.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 4hb Oktober, 1979.

(E/669/65 Pt. 5 — Bil: 142/1979)

## Pegawai Pusat Pemelihara Ternakan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 sa-bagai Pegawai Pusat Pemeliharaan Ternakan di-Jabatan Pertanian, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 berumor 30-34 tahun hendak-lah mempunyai ijazah atau diploma lanjutan dalam bidang sains haiwan dan pertanian dan sekurang2-nya 7 tahun pengalaman dalam pengalaman dan perguruan binatang2 ternakan tropika. Mempunyai pengalaman dan/atau kelayakan dalam bidang pendidekan pertanian merupakan satu kelebehan.

Chalon2 yang berjaya akan bertanggong-jawab, di-bawah arahan Pengetua Pusat Latehan Pertanian Sinaut, bagi memajukan satu ranchangan pengajaran khas binatang2 ternakan di-perengkat sijil serta mengajar dan menilai kerja2 di-bilek darjah dan kerja2 praktikal di luar dalam semua aspek pengeluaran dan pengurusan binatang ternakan. Ia juga di-kehendaki membantu dalam mengajar serta menilai aspek2 latehan di-bidang ternakan yang di-beri oleh Pusat Latehan ini kapada bakal petani2 muda dan juga kaki-tangan2 Jabatan yang menjalani latehan2 ulangkaji sa-chara latehan dalam perkhidmatan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji B2 EB3 —B$1645-1709-1772-1836-1900-1964-2027 - 2104 - 2180 - 2257 - 2333-2410 - 2486 - 2563 - 2639 - 2716 / EB / 2792 - 2869 - 2945-3022. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari ra'ayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 4hb Oktober, 1979.

(E/735/79 — Bil: 140/1979)

### TENDER NOTICE

**RETENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR BINTURAN RANGES**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Class 'A' or 'B' Contractors registered with Electrical Department up to 12.00 noon, 18th September 1979 (Tuesday).
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "RETENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR BINTURAN RANGES.
4. Tender documents may be obtained from the office of M/s Associated Consultants Private Limited, Chartered Engineers, Room 27-29, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan during normal office hours.
5. The Tender Deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei.

The Tender Deposit will not be refunded to the successful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project Vote.

The Tender Deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineers' office.

6. Prior to the issue of the tender documents, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' Contractor registered with Electrical Department.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## DI-JABATAN PERTANIAN, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pertanian, Brunei.

1. PENJAGA ASRAMA : (Lelaki) — Pusat Latehan Pertanian Sinaut.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah mempunyai pelajaran menengah hingga ka-taraf Tingkatan V dan hendak-lah sa-baik2-nya mempunyai pengalaman dalam penyeliaan dan pengurusan asrama termasok pengalaman dalam hal2 masakan Melayu. Keutamaan akan di-berikan kapada mereka yang mempunyai pengetahuan Bahasa Inggeris dan yang lulus Sijil Persekolahan Cambridge atau yang sebanding dengan-nya.

**Umor :**

Antara 30 dan 45 tahun.

**Tugas2 :**

a) Pengawasan semua kaki-tangan asrama (termasok Penuntut2 Asrama, Tukang2 Masak dan Tukang2 Chuchi dan yang lain2).

b) Penyeliaan dalam hal2 pembelian dan pemereksaan barang2 pembekalan, penyeliaan menu dan permakanan.

c) Mengawas hal2 pemeliharaan bangunan asrama dan sekolah dan dapor asrama.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3 EB. 4-5 — B$625-657-689-720 - 752-784 /EB/854-880-905-931-956 - 982-1007-1046-1071-1097-1122.

2. JURU JENTERA TINGKAT KHAS :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah pandai membacha dan menulis dan mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang2-nya dua tahun sa-bagai Juru Jentera Tingkat I sa-baik2-nya dalam pemeliharaan jentera2 pertanian. Pengetahuan2 dalam kerja2 patri dan sa-bagai-nya akan merupakan satu kelebehan.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya akan di-jangka untok bertanggong-jawab terhadap sa-bahagian daripada Bengkel Pertanian yang berkaitan dengan pembaikan2 injin moto-sangkut, mesin2 pemotong rumput dan jentera2 pam tali-ayer. Dia hendak-lah berkebolehan untok menyelanggarakan kerja2 membuka dan mengganti sa-chara lengkap (overhaul) bagi injin2 moto-sangkut.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 2 EB.3-4—$446-465-485-504-523-542-561/ EB /625-657-689-720-752 - 784-854-880-905-931-956-982-1007.

3. PEMEREKSA TANAMAN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Kelulusan Sijil Persekolahan Cambridge atau yang sebanding dengan-nya ada-lah di-kehendaki. Kelulusan yang baik dalam mata2 pelajaran sains akan merupakan satu kelebehan.

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB.3-4—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542-561 /EB/625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982-1007. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 13hb Oktober, 1979.

(E/752/79 — Bil: 139/1979)

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

### No. 142 OF 1979

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 4th September, 1979 for : —

CONSTRUCTION OF 5 BLOCKS CLASS "F" FLATS AT OLD AIRPORT ROAD BRUNEI (PHASE I).

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 143 OF 1979

TENDER will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 4th September 1979 for : —

SUPPLY OF 3 BOATS FOR WATER WORKS P.W.D., BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 144 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 11th September, 1979 for : —

CONSTRUCTION OF R.C. STORM DRAIN FOR FLOOD ALLEVIATION AT MILE $5\frac{1}{4}$, JALAN BERAKAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 145 OF 1979

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 11th September, 1979 for : —

REPAIR AND REPAINT OF NEWLY REPLACED ITEMS OF RELIGIOUS SCHOOL RAJA ISTERI PG. ANAK SALEHA AT KAMPONG SABA, KAMPONG AYER, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 146 OF 1979

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 11th September, 1979 for : —

CONSTRUCTION OF R.C. DRAINS, SUB-SOIL DRAINS, BOX CULVERTS SUMPS AT JERUDONG POLO FIELD, JERUDONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICES

### TENDER No. 25(V)/1979

TENDERS are invited to reach the Chairman, Tenders Board, the State Financial Officer, Brunei, Ground Floor, Government Offices up to 12.00 noon on Tuesday, 28th August, 1979 for the following:—

THE SUPPLY AND DELIVERY C.I.F. TO ELECTRICAL DEPARTMENT, BRUNEI THREE UNITS $2\frac{1}{2}$ TONS LONG WHEEL BASE TRUCKS, TWO UNITS 5 TO 6 TONS LONG WHEEL BASE TRUCKS AND ONE UNIT FORK LIFT TRUCK

Tenders received after the above stated time will be rejected.

Specification and other information can be obtained from the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tender documents are to be enclosed in a plain sealed envelope and addressed to the Tenders Board. The envelope is to be clearly marked:—

"THE SUPPLY AND DELIVERY TO THE ELECTRICAL DEPARTMENT, BRUNEI THREE UNITS $2\frac{1}{2}$ TONS LONG WHEEL BASE TRUCK, TWO UNITS 5 TO 6 TONS LONG WHEEL BASE TRUCKS AND ONE UNIT FORK LIFT TRUCK".

Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei from Government Registered Contractors who have experience of cutting trees up to 12.00 noon on Tuesday 4th September, 1979 for the following : —

WAYLEAVE CLEARING OF 33,000 VOLTS/66,000 VOLTS OVERHEAD TRANSMISSION LINES

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders will be submitted in plain sealed envelopes bearing no indication of the name and address of the Tenderer and shall be marked clearly:— "Tender for Wayleave Clearing of 33,000 Volts/66,000 Volts Overhead Transmission Lines".
4. The tender deposit of $300.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.
5. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.
6. Tender documents can be obtained from the Office of the Engineer-in-Charge, Electrical Department, Kuala Belait.

### TENDER No. 41(IW)/1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' and 'B' up to 12.00 noon on Tuesday, 4th September, 1979 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR LABORATORY BUILDING AT PUSAT LATEHAN TEKNIKAL, JALAN MUARA, BRUNEI (PHASE VI)

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR LABORATORY LATEHAN TEKNIKAL, JALAN MUARA, BRUNEI (PHASE VI)".

The tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 30(IW)/1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' and 'B' up to 12.00 noon on Tuesday, 11th September, 1979 for the following : —

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR ALTERATIONS TO LETTER SORTING OFFICE AT GENERAL POST OFFICE, BANDAR SERI BEGAWAN".

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR ALTERATIONS TO LETTER SORTING OFFICE AT GENERAL POST OFFICE, BANDAR SERI BEGAWAN".

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### SERIAL No. 42(AC)79

**AIR CONDITIONING INSTALLATION**

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade A, B and C air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 4th September, 1979 for the —

CABLE STORE, TELECOMS STORE AND WORKSHOP JALAN PERPINDAHAAN BERAKAS, BRUNEI.

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Air Conditioning Installation, Cable Store, Telecoms Store and Workshop Jalan Perpindahan, Berakas Brunei'.
4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the Office of the Chief Electrical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI KETUA PEMBANTU TEKNIK

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Ketua Pembantu Teknik yang berikut di-Jabatan Letrik, Brunei.

A. PEMBAHAGIAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mempunyai kelulusan H.N.D. dalam bidang kejuruteraan letrik atau kelulusan yang se-banding dengan-nya serta mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam bidang "11kV distribution" dan Low Tension Distribution."

ATAU

Mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman dalam sesuatu jawatan penyelia mengendalikan kerja2 "11kV distribution system, operation, construction and commissioning".

**Umor :**

Sekurang2-nya 35 tahun.

B. STESHEN TENAGA LETRIK :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mempunyai H.N.D. dalam bidang kejuruteraan letrik atau kelulusan yang sebanding dengan-nya serta mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam kerja2 Steshen Tenaga Letrik.

ATAU

Mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman dalam sesuatu jawatan penyelia (kerja sa-chara bergilir2) dalam kerja2 "operation" dan penyelenggaraan steshen tenaga letrik.

C. MERINYU :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mempunyai H.N.D. dalam bidang kejuruteraan letrik atau kelulusan yang sebanding dengan-nya dan mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam kerja2 pemborong letrik bagi projek2 perumahan, pejabat2 dan bangunan2 perusahaan.

**Umor :**

Sekurang2-nya 35 tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 3-4 EB. 5 — $1479-1530-1581-1632-1683-1734 - 1785 - 1836 - 1887 - 1938 / EB / 1989 - 2040 - 2091 - 2142-2193. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji setelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari ra'ayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb Oktober, 1979.

(E/1173/77 — Bil : 135/1979)

## SA-BAGAI AHLI BOMBA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Ahli Bomba di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) Umor: Di-antara 18 hingga 28 tahun.

b) Tinggi : Sekurang2-nya 5′ 4″.

c) Pelajaran : Chalon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang mempunyai kelulusan yang lebeh tinggi.

d) 'Am : Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu Kelas III dan sa-baik2-nya Kelas V dan mempunyai tuboh badan yang sehat.

**Latehan :**

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki menjalani latehan asas sa-lama 6 bulan di-Brunei sekira-nya mereka menamatkan latehan ini dengan memuaskan, mereka mungkin akan di-hantar untok menjalani latehan lanjut di-seberang laut untok mendapatkan kelayakan dalam kerja2 menyelamat dan menchegah kebakaran kapal-terbang.

**Kerja Bergilir :**

Ahli yang bertugas pada masa itu dalam perkhidmatan Bomba L/Terbang ada-lah di-kehendaki kerja bergilir2 atau bila masa waktu bekerja yang perlu untok melichinkan perkhidmatan ini.

**Gaji :**

Rekrut — $325.00 sa-bulan. Elaun tambahan P sa-banyak $100.00. Sa-telah berkhidmat sa-lama enam bulan dengan memuaskan chalon2 tersebut akan di-lantek sa-bagai Ahli Bomba dengan gaji $425.00 sa-bulan dalam sukatan gaji P. 1 $425-431-438-444-450-456-463 - 469/ EB/475-481-494-500-506.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb Oktober, 1979.

(E/762/72 — Bil: 136/1979)

## TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon, on Tuesday, 4th September, 1979.

a) **Station Wagons**

1. 3 units of 3 or 5 door Station Wagon to be used as vehicles for mails.
2. 4 cyclinder petrol engine, not exceeding 1200 cc, with fast moving parts.
3. With at least 800 lbs load and plenty of useful space for parcels and mails.
4. Rear seat (if any) should be collapsible with wide opening rear door or gate for loading and unloading.
5. To be painted in Post Offices red complete with white letterings (in Jawi and Rumi) on both sides — Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei.
6. Fitted with a 5 lb. BCF Fire Extinguisher.

b) **Van**

1. 2 units of Van for parcel and mail conveyance with wide opening side or rear door.
2. 4 cyclinder petrol engine, powered around 1600 cc., with fast moving spares.
3. To be fitted with a 5 lb. BCF Fire Extinguisher.
4. With finish paint work in Post Office red complete with letterings in white on both sides — Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei.
5. Load : approximately 1 ton, with a big capacity for mails.

2. Tenders must be submitted in plain sealed envelope with no indication of the name and address of the tenderer and should be addressed to : —

The Chairman,
Tenders Board,
Government Offices,
Brunei

clearly marked ""TENDER FOR STATION WAGONS OR VANS".

3. The date of the delivery of these items should be clearly indicated.

4. Tenders received after the time and specified above will not be considered.

5. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED DEPARTMENT OF SECURITY AND INTELLIGENCE, GADONG — PHASE II**

REGISTERED Electrical Class 'A' Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Services to Proposed Department of Security and Intelligence Gadong—Phase II.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 22nd August, 1979 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon 11th September, 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR ELECTRICAL TO PROPOSED DEPARTMENT OF SECURITY AND INTELLIGENCE, GADONG — PHASE II.

Our client, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Office, Bandar Seri Begawan, Brunei for :—

THE PROPOSED ARMY WORKS PART I SERVICES (SPECIAL FLOOR FINISH) AT SERIA, BRUNEI.

2. Tender documents may be obtained from the office of : —

Akitek Bersatu,
148, Jalan Chevalier,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

from 22nd August 1979 onwards during normal office hours, upon the payment of the tender deposit of $500.00.

3. Tender deposit will be refunded to non-successful tenders who have submitted bona fide tender and on the return of tender document in good condition.

4. Tenders must be submitted in the envelopes provided and must reach the office of: —

The Chairman,
Tenders Board,
Secretariat Building,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

not later than 12.00 noon, 18th September, 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

5. The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Groundfloor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12 00 noon on Tuesday 9th October 1979 for the construction and completion of:

DEPARTMENT OF SECURITY & INTELLIGENCE BANGAR BRUNEI

2. Before the tender documents can be issued, tenderers must show proof that:

2.1 They are currently registered with P.W.D. Brunei as Class 'A' Contractors, and who have complied with Government circular referenced PWD/HO/C/15-7 dated 3rd March 1979.

2.2 Tenderers must produce a specific Bankers letter, stating that in the event of the applicants Tender being successful, the said bank will provide a Security Bond for the duration of the Contract in an amount not less than $200,000.00, or 10% of the submitted tender, whichever is the greater. This document must be submitted to the Architects during the Tender period, failure to do so will amount to a rejection of the Tender.

3. Tender documents can be examined and obtained from the office of the Architects:

Booty Edwards Dan Rakan2 Akitek
146 Jalan Chevalier
Bandar Seri Begawan
Brunei.

from Monday 10th September 1979 onwards during normal office hours.

4. The tender deposit required is $1,000.00 which is in the form of a cheque, shall be made payable to the Architects. This deposit is refundable to each tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all tender documents in good conditon.

5. Tenders shall be submitted on the form of Tender and enclosed in envelope provided and properly sealed. There must be no indication of the name or address of the tenderer on the envelope.

6. Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

7. The Goverment of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender

## Sa-bagai Pembantu Teknik Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang berkeyakan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pembantu Teknik Kanan di-Jabatan Ukor, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Chalon2 mesti-lah mempunyai kelulusan Ordinary National Diploma in Land Surveying atau kelayakan yang sebanding dengan-nya atau pun mempunyai kebolehan yang terbokti dengan-nya atau pun mempunyai kebolehan yang terbokti serta sekurang2-nya 5 tahun pengalaman sa-bagai sa-orang pekerja ukor tanah dengan memegang sa-suatu jawatan yang bertanggong-jawab. Mereka juga perlu tahu chara2 menggunakan alat2 elektronik ukoran jarak. Kelulusan dalam matapelajaran Ilmu Hisab di-perengkat "Biasa" atau bokti telah menuntut hingga ka-perengkat "Biasa" ada-lah suatu kelebehan.

**Tugas2 :**

Pemohon2 yang berjaya di-kehendaki menyelia kumpolan2 pekerja luar ukor di-mana2 tempat di-dalam negeri, dan mesti-lah bersedia untok menetap di-mana2 daerah. Mereka mesti-lah juga bersedia untok menjalani latehan di-seberang laut jika perlu.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 —$1071-1109-1148-1186--1224-1275-1326 - 1377 - 1428 / EB / 1479-1530-1581-1632-1683. Gaji.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb September, 1979.

Rujokan E/1081/75.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Grade A and B electrical and mechanical services contractors up to 12.00 noon on Monday 10th September 1979 for : —

ELECTRICAL AND MECHANICAL SERVICES INSTALLATION, DEPARTMENT OF AGRICULTURE RICE MILL, JERUDONG, BRUNEI.

2. Before the tender documents can be issued, tenderers must shown proof that they are currently registered and approved Grade A and B Contractors.

3. Tender documents can be examined at and obtained from the office of the Architects,

John R. Harris Architects,
401, Seri Complex,
1¼ M. Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

during normal office hours.

4. Tenders received after the stated time will be rejected.

5. Tenders must be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and must be marked: "Electrical and Mechanical Services Installation, Department of Agriculture Rice Mill, Jerudong, Brunei".

6. The tender deposit is $300.00 made payable to the Architects which will be refunded to each tenderer upon receipt of a bona fide tender and the return of all tender documents in good condition.

7. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## FISHERIES DEPT. TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei, up to 12.00 noon on Thursday 13th September, 1979, for the:

SUPPLY OF ONE UNIT 19-FOOT PATROL BOAT WITH SELF-BAILING WELL AND FOAM-FILLED BOUYANCY CHAMBERS. THE HULL SHOULD BE SUITABLE FOR WORKING IN ROUGH CONDITIONS. THE BOAT TO HAVE DARK BLUE HULL AND ORANGE TOP.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope, bearing no indication of the name or address of the Tenderer, and each should be clearly marked:

TENDER FOR PATROL BOAT — FISHERIES DEPARTMENT

4. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## THE REGISTRATION OF A BIRTH OR DEATH IN THE CONSULAR REGISTER

YOUR attention is drawn to the fact that the births and deaths of British Subjects, Citizens of the United Kingdom and Colonies can be registered at the High Commission.

This facility does not in any way affect the obligation under Brunei law to register births and deaths with the Registrar of Births and Deaths for the State of Brunei, but (provided citizenship is established) it does enable births and deaths to be registered with the Registrar General (St Catherine's House, Kingsway, London). In certain circumstances the registration of a birth can be of particular importance in preserving the child's claim to British nationality. Under the provisions of Section 5(1)(b) of the British Nationality Act 1948, registration of birth at a British consulate is essential for the acquisition of citizenship of the United Kingdom and Colonies by children of the second and subsequent generations of United Kingdom citizens born abroad.

Further information can be obtained from the Consular Section of the High Commission, Room 44, 5th Floor, Hong Kong Bank Chambers, telephone 26001.

If you know of any other United Kingdom nationals resident in Brunei who might be interested in this note please be kind enough to draw it to their attention.

British High Commission
Bandar Seri Begawan
Brunei.



YB Setia Usaha Kerajaan ketika bersalaman dengan para jemaah di-surau Perkhemahan Berakas.

Dari muka 1

Masjid Omar Ali Saifuddin pada pagi hari raya tersebut saperti juga pada hari2 raya sabelum-nya telah di-banjiri oleh beribu-ribu umat Islam sa-hingga melebehi ka-kawasan luar di-tiga penjuru untok sama2 menunaikan sembahyang hari raya.

Turut berangkat menunaikan sembahyang pada pagi itu termasok-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah, YAM Pengiran2 Cheteria, pembesar2 negara dan pegawai2 kanan kerajaan.

Sementara itu bertempat di-surau Perkhemahan Berakas, umat Islam di-kawasan tersebut telah juga menunaikan sembahyang hari raya bersama-sama dengan YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan yang kemudiannya telah menyampaikan khutbah hari raya di-akhir upachara itu.

Saperti juga pada tahun2 lepas Kebawah DYMM dan lain2 Kerabat Diraja sa-telah sempurna menunaikan sembahyang Baginda dan rombongan telah berangkat mengunjongi beberapa tempat kediaman pembesar2 negara bagi menguchapkan Selamat Hari Raya.

Antara kediaman pembesar2 negara yang Baginda kunjongi pagi itu termasok-lah kediaman YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Isa, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin dan YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Hj Abdul Aziz.

Sa-telah selesai mengunjongi kediaman pembesar2 negara, Kebawah DYMM telah juga meraikan kenamaan2 negara di-Istana Darul Hana.

## NOORARIFFIN MENANGI PERADUAN LOGO

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Noorariffin bin Md Yassin sa-orang pelukis grafik dari RTB telah berjaya memenangi hadiah pertama bagi peraduan melukis logo Majlis Keselamatan Jalanraya yang dianjorkan baru2 ini.

Awang Noorariffin telah menerima hadiah wang tunai $500.00 manakala tempat kedua di-menangi oleh Awang Fadzil bin Haji Ahmad dari Jabatan Muzium Brunei dengan menerima wang tunai $200.00.

Sa-orang lagi pelukis di-RTB, Awang Mohd Salleh bin Haji Ibrahim telah mendapat tempat ketiga dengan menerima wang tunai $100.00.

Majlis Keselamatan Jalanraya Brunei yang menganjorkan peraduan tersebut telah menerima lebeh 100 buah penyertaan dari pelukis2 tempatan dan ia-nya telah di-hakimkan dalam bulan Jun lepas.

Upachara penyampaian hadiah2 tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz yang juga selaku Pengerusi Majlis Keselamatan Jalanraya Brunei pada petang Sabtu, 18hb Ogos yang baru lalu.

## KA-AUSTRALIA

BANDAR SERI BEGAWAN.—Dua orang wakil Brunei ka-projek pengorniaan Piala Sekim Pengorniaan Duke of Edinburgh di-Australia akan berlepas meninggalkan negeri ini pada 30hb Ogos, esok.

Mereka ia-lah Awang Johari bin Dato Matnor dan Awang Abidin bin Harris kedua-dua-nya ada-lah ahli sukarelawan Sekim Pengorniaan Duke of Edinburgh di-Brunei.

Sa-belum mereka berlepas nanti satu upachara penyampaian bendera Brunei kapada wakil2 tersebut akan di-adakan di-Lapangan Terbang Antarabangsa pada 9.00 pagi.

Penyampaian bendera itu akan dilakukan oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awg Haji Hussein.

## *Pertukaran dan kenaikan pangkat*

# DATO HJ. ALI BERTUGAS SA-BAGAI PENGAPIT WAKIL KERAJAAN BRUNEI DI-LONDON

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali bin Haji Mohd Daud, Pengawal Imigereshen, akan bertugas di-London sa-bagai Pengapit dan Pembantu kapada Pehin Orang Kaya Datu Petinggi Maha Kornia Diraja Dato Laila Utama Sir Dennis White, Wakil Kerajaan Brunei di-London.

Ada-lah di-jangka bahawa Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali bin Haji Mohd Daud akan berangkat meninggalkan Brunei menuju ka-London pada 6hb September, 1979 depan.



Dato Paduka Awg Haji Mohd Ali.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga memperkenankan beberapa pertukaran dan kenaikan pangkat bagi Pegawai2 Pentadbir Kerajaan.

Timbalan Pengarah Perjawatan, Awang Haji Mohd Kassim bin Haji Mohd Daud bertukar menjadi Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama mulai 12hb Ogos yang baru lalu.

Mulai 1hb September ini, saramai 8 orang Pegawai2 Pentadbir Kanan Kerajaan akan terlibat dalam beberapa pertukaran dan kenaikan pangkat:—

Yang Mulia Dato Paduka Awang Abidin bin Abdul Rashid dari Pengawal Kenderaan Darat menjadi Pengawal Imigereshen.

Yang Mulia Awang Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah dari Pengerusi Lembaga Bandaran menjadi Pegawai Daerah Tutong.

Yang Mulia Awang Puasa bin Tudin dari Pemangku Pegawai Daerah Tutong menjadi Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan dan terus dinaikkan pangkat ka-Kumpolan 3.

Yang Mulia Awang Omar bin Haji Serudin dari Timbalan Pengawal Kastam dan Eksais menjadi Pemangku Pengawal Kenderaan Darat.

Yang Mulia Awang Haji Jaya bin Abdul Latif di-kekalkan bertugas sa-bagai Ketua Latehan, Pejabat Perjawatan dan dinaikkan pangkat dari Kumpolan 4 ka-Kumpolan 3. Kenaikan ini ada-lah khas kapada batang tuboh Awang Haji Jaya.

Yang Mulia Awang Haji Mohd Yunos bin Haji Mohd Hussein, Pegawai Pentadbir Kanan di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan terus di-kekalkan bertugas di-pejabat tersebut dan dinaikkan pangkat dari Kumpolan 4 ka-Kumpolan 3.

Yang Mulia Awang Haji Yakub bin Haji Ahmad, Pemangku Pegawai Daerah Temburong di-naikkan pangkat dari Kumpolan 4 ka-Kumpolan 3 dan terus di-tetapkan bertugas sa-bagai Pegawai Daerah Temburong.

Yang Mulia Pengiran Idriss ibni Almarhum Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Pengiran Haji Mohamed, Pegawai Pentadbir Kanan Jabatan Penerbangan Awam, menjadi Pemangku Pegawai Daerah Belait.

Dari muka 1

wan Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Suri Begawan Raja dan Kerabat2 Diraja sekalian dengan do'a mudah-mudahan Allah akan senantiasa melimpahkan kebahagiaan serta hidayah buat sa-lama2-nya.

Kapada raayat dan pendudok di-negeri ini saya dengan amat sukachita menguchapkan Selamat Berhari Raya dengan do'a mudah-mudahan kemakmoran, kebahagiaan dan keamanan serta kesejahteraan yang kita nekmati pada masa ini di-bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan akan dapat terus-menerus kita nekmati bukan sahaja untok kita jenerasi2 yang ada sekarang bahkan jua untok jenerasi2 yang akan datang.

Saya sa-lanjut-nya berdo'a mudah-mudahan Allah s.w.t. akan mengorniakan segala hikmat dan nekmat berpuasa yang telah sama-sama kita tunaikan dalam bulan Ramadhan yang baru lalu.

Allah-hu Akbar, Allah-hu Akbar, Allah-hu Akbar Walillah Ilham.

Wabillahi taufik wal-hidayah wassalam mualaikum warahmatullahi-wabarakatuh.



Awang Haji Mohd. Kassim.



Dato Paduka Awang Abidin.



Awang Haji Mohd Yunos.



Awang Haji Jaya.



Awang Puasa Tudin.



Awang Chuchu.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.